

LAPORAN TENTANG DAKWAAN-DAKWAAN PENGAMBILAN ORGAN DARIPADA PENGAMAL- PENGAMAL FALUN GONG DI CHINA

oleh David Matas dan David Kilgour
6 Juli 2006

Laporan juga terdapat di <http://davidkilgour.ca>,
<http://organharvestinvestigation.net> atau <http://investigation.go.saveinter.net>

Isi Kandungan

A. Pengenalan

B. Cara Kerja

C. Dakwaan

D. Kesusahan dalam Pembuktian

E. Cara-cara Pembuktian

F. Elemen dalam Pembuktian dan Penyangkalan Pembuktian

- 1) Suatu ancaman yang tergambar
- 2) Suatu polisi penindasan
- 3) Penghasutan bagi menghasilkan dendam kesumat
- 4) Penahanan secara beramai-ramai
- 5) Penindasan
- 6) Golongan yang tidak dikenal pasti dan golongan yang hilang
- 7) Sumber pemindahan organ
- 8) Ujian darah
- 9) Mayat yang kehilangan organ
- 10) Suatu pengesahan
- 11) Pengakuan
- 12) Waktu penungguan
- 13) Bukti kesalahan di laman web
- 14) Temu-ramah dengan mangsa-mangsa
- 15) Pencabulan hak asasi manusia secara am
- 16) Pertimbangan kewangan
- 17) Rasuah
- 18) Perundangan

G. Kebolehpercayaan

H. Penyiasatan lanjut

I. Kesimpulan

J. Cadangan

K. Komentari

L. Apendiks

- 1) Surat jemputan daripada CIPFG
- 2) Biografi bagi David Matas

- 3) Biografi bagi David Kilgour
- 4) Orang yang ditemuramah
- 5) Surat kepada Kedutaan China
- 6) Pernyataan tentang Falun Gong oleh kerajaan China
- 7) Penganiayaan fizikal terhadap pengamal Falun Gong
- 8) Ujian darah terhadap tahanan pengamal Falun Gong
- 9) Pengamal-pengamal Falun Gong yang tidak dikenal pasti yang berada di bawah tahanan
- 10) Kehilangan
- 11) Rekod AI terhadap bilangan banduan yang dihukum mati di China setiap tahun
- 12) Mayat yang kehilangan organ
- 13) Transkrip bagi temu ramah
- 14) Transkrip bagi penyiasatan telefon

A. Pengenalan

Perikatan untuk Menyiasat Penganiayaan terhadap Falun Gong di China (The Coalition to Investigate the Persecution of the Falun Gong in China - CIPFG), merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan yang berdaftar di Washington D.C. dengan cawangannya di Ottawa, Kanada. Daripada surat yang bertarikh 24 Mei 2006 yang meminta bantuan daripada pihak kami dalam perihal penyiasatan dakwaan tentang institusi dalam negeri dan pekerja kerajaan Republik Rakyat China yang melakukan pengambilan organ daripada pengamal Falun Gong yang hidup, membunuh mereka dalam proses tersebut. Surat permintaan tersebut disertakan sebagai apendiks dalam laporan ini. Banyak rakan di China, termasuk kami berdua, adalah prihatin terhadap dakwaan-dakwaan sedemikian. Memandangkan keseriusan mereka dan juga komitmen kami dalam menghormati maruah manusia sejagat, kami telah menerima permintaan tersebut.

David Matas ialah seorang peguam bagi imigresen, kes mangsa pelarian dan hak asasi manusia antarabangsa dalam sektor swasta di Winnipeg. Beliau mengambil bahagian secara aktif dalam kerja-kerja mempromosikan hak asasi manusia, sebagai seorang penulis, jurucakap, dan peserta dalam beberapa organisasi hak asasi manusia bukan kerajaan.

David Kilgour ialah bekas Ahli Parlimen dan juga bekas Setiausaha dalam Negeri dalam kerajaan Kanada bagi kawasan Asia Pasifik. Sebelum beliau menjawat sebagai Ahli Parlimen, Beliau pernah menjadi Pendakwaraya Mahkota (Crown prosecutor). Biografi bagi kedua-dua penulis laporan ini disertakan dalam apendiks.

B. Cara Kerja

Kami menjalankan penyiasatan secara bebas dan berdikari daripada CIPFG, Persatuan Falun Dafa, atau sebarang organisasi, dan sebarang kerajaan. Percubaan kami untuk pergi ke China tidak berjaya, namun seterusnya kami rela menjalankan penyiasatan peringkat kedua sekiranya pendekatan atau akses kepada saksi dan institusi dapat diperolehi. Kami menemuramah sebilangan orang yang berlainan yang disenaraikan dalam apendiks dalam laporan ini, dan juga membaca dengan meluas sebarang maklumat yang dapat kami peroleh yang relevan kepada laporan kami. Kami tidak dibayar oleh sesiapa pun untuk laporan ini, tetapi melakukan kerja ini sebagai sukarelawan.

C. Dakwaan

Adalah didakwa bahawa pengamal-pengamal Falun Gong adalah merupakan mangsa dalam pengambilan organ hidup di seluruh China. Dakwaan yang dibuat ialah pengambilan organ daripada pengamal-pengamal Falun Gong secara tidak rela di lokasi yang meluas dan berlainan, mengikuti polisi yang bersistematik, dan dalam jumlah yang besar.

Pengambilan organ adalah suatu langkah dalam pemindahan organ (organ transplants). Tujuan pengambilan organ adalah untuk membekalkan organ bagi pemindahan organ. Pemindahan tidak semestinya berlaku di tempat di mana organ

diambil. Kedua-dua lokasi tersebut biasanya adalah berlainan, organ diambil di sesuatu tempat dan dihantar ke tempat yang lain untuk pemindahan organ.

Dakwaan dilanjutkan lagi ialah organ diambil daripada pengamal-pengamal semasa mereka masih hidup. Pengamal-pengamal dibunuh dalam proses pengambilan organ atau sejurus selepas itu. Pembedahan tersebut adalah suatu bentuk pembunuhan.

Akhir sekali, kami diberitahu bahawa pengamal-pengamal yang dibunuh dengan cara ini seterusnya akan dibakar. Maka tidak ada mayat yang tertinggal untuk diperiksa atau dikenal pasti sebagai sumber asal organ pemindahan.

Pertimbangan bagi perkara yang sedemikian untuk berlaku, khasnya jika ia mungkin adalah arahan daripada kerajaan, dalam permulaan abad ke-20 ketika nilai nyawa manusia pada akhirnya mendapat lebih banyak penghormatan dan pengiktirafan sejagat secara meluas ini, adalah merupakan perkara yang paling menggemparkan. Seterusnya, apabila seorang daripada saksi-saksi kamera pertama, seorang wanita yang bukan pengamal Falun Gong, bertemu dalam proses penyzoalan, berkata bahawa suaminya, yang merupakan seorang pakar bedah pernah memberitahu kepadanya bahawa dia pernah mengambil kornea dariada kira-kira 2000 tahanan Falun Gong yang telah dibiuskan di Timur Laut China selama dua tahun sebelum Oktober 2003 (waktu semasa suaminya enggan untuk meneruskannya), kami berasa gempar sekali. Semua yang kami temui selepas itu, seperti yang digariskan dalam laporan ini, adalah hampir sama menggemparkan.

D. Kesusahan dalam Pembuktian

Dakwaan-dakwa tersebut, secara semulajadinya, adalah susah untuk dibuktikan atau disangkal pembuktiannya. Bahan bukti yang paling baik bagi membuktikan sebarang dakwaan ialah bukti saksi kejadian. Namun bagi jenayah yang didakwa ini, adalah tidak mungkin ada sebarang bukti saksi kejadian.

Orang yang hadir dalam kejadian pengambilan organ pengamal-pengamal Falun Gong, jika berlaku, sama ada ialah penjenayah jahat atau mangsa. Maka tiada saksi. Disebabkan yang disebutkan sebagai mangsa itu telahpun dibunuh dan dibakar mayatnya, maka tiada mayat dapat ditemui, dan tiada bedah siasat boleh dijalankan. Tiada juga mangsa yang terselamat yang memberitahu apa yang berlaku terhadap mereka. Penjenayah jahat juga tidak mungkin mengakui ini, jika berbuat demikian, mereka akan dihadapi dengan jenayah kemanusiaan. Namun begitu, walaupun kami tidak mendapat pengakuan yang berskala penuh, kami dapat juga mengumpul sejumlah pengakuan melalui penyiasat panggilan telefon.

Tempat kejadian bagi jenayah, sekiranya jenayah tersebut telah berlaku, tidak akan meninggalkan sebarang kesan. Sebaik sahaja pengambilan organ telah selesai, bilik di mana pembedahan dijalankan tersebut akan menjadi seperti bilik pembedahan lain yang kosong semula.

Kawalan ketat dan penekanan terhadap laporan hak asasi manusia di China menyebabkan penilaian terhadap dakwaan-dakwa amat susah. China, yang

dikesalkan, menindas wartawan hak asasi manusia dan pembela hak asasi manusia. Tiada kebebasan untuk bersuara di China. Mereka yang melaporkan tentang pencabulan hak asasi manusia di China seringkali dipenjarakan dan kadang-kala dikenakan dengan tuduhan membocorkan rahsia negara. Dalam konteks ini, sikap berdiam diri organisasi hak asasi manusia bukan kerajaan dalam hal pengambilan organ daripada pengamal-pengamal Falun Gong yang tidak rela, tidak memberitahu kita apa-apa .

Parti Komunis China (PKC) tidak membenarkan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (The International Committee of the Red Cross), atau sebarang organisasi yang prihatin terhadap hak asasi manusia bagi banduan-banduan untuk melawat banduan-banduan. Ini juga telah memutuskan suatu cara yang berpotensi untuk memperoleh bahan bukti.

China juga tiada akses kepada maklumat bagi perundangan. Adalah mustahil untuk memperoleh maklumat asas daripada PKC berhubung dengan pemindahan organ – berapa banyak pemindahan organ yang ada, daripada sumber mana organ berasal, berapa wang yang dibayar untuk pemindahan organ atau di mana wang itu dibelanjakan.

Kami pernah cuba untuk melakukan lawatan ke China bagi laporan ini. Usaha kami sia-sia sahaja. Kami meminta secara bertulis untuk diadakan suatu mesyuarat dengan kedutaan China untuk membincangkan syarat-syarat lawatan kerja kami. Surat kami disertakan sekali juga sebagai appendiks dalam laporan ini. Permintaan kami bagi mesyuarat tersebut telah diterima. Tetapi orang yang bertemu dengan David Kilgour hanya berminat untuk menyangkalkan dakwaan-dakwaan tersebut dan tidak berminat untuk membuat pengaturann bagi lawatan kami.

E. Cara-cara Pembuktian

Kami perlu meninjau sebilangan faktor, bagi menentukan sama ada faktor-faktor tersebut membentuk suatu gambar keseluruhan, yang boleh mempertimbangkan sama ada dakwaan-dakwaan yang dibuat adalah benar atau tidak benar. Tiada elemen yang secara sendirinya telah membuktikan atau menyangkal dakwaan tersebut. Bersama-sama elemen-elemen tersebut membentuk suatu gambar keseluruhan.

Banyak bahagian bahan bukti yang kita pertimbangkan, secara sendirinya, tidak membentuk bukti yang kukuh terhadap dakwaan. Namun, jika bahan-bahan bukti tersebut adalah tidak wujud, maka dakwaan tersebut boleh disangkal. Gabungan faktor-faktor tersebut, khususnya apabila faktor-faktor tersebut adalah banyak sekali, mempunyai kesan dalam menentukan dakwaan-dakwaan tersebut boleh dipercayai, walaupun setiap faktor itu sendirinya tidak dapat berbuat demikian. Apabila setiap elemen yang berkemungkinan bagi menyangkal bahan bukti yang kami temui gagal untuk menyangkal dakwaan-dakwaan yang dibuat, maka kemungkinan dakwaan untuk menjadi benar adalah besar sekali.

Pembuktian boleh secara induktif atau deduktif. Penyiasatan jenayah biasanya dikerjakan secara deduktif, menggabungkan sekali bahagian bukti individu kepada

koheren secara keseluruhannya. Sekatan yang kami hadapi dalam penyiasatan kami telah menempatkan halangan terhadap penggunaan cara deduktif. Seseengah elemen yang dapat kita membuat kesimpulan tentang apa yang berlaku, khususnya, ialah penyiasat panggilan telefon.

Kami juga menggunakan cara penaakulan induktif, kerja daripada depan dan juga daripada belakang. Sekiranya dakwaan adalah tidak benar, bagaimanakah kita tahu bahawa dakwaan adalah tidak benar? Sekiranya dakwaan adalah benar, apakah fakta-fakta yang konsisten dengan dakwaan tersebut? Apakah yang menjelaskan kebenaran terhadap dakwaan, sekiranya dakwaan adalah benar? Jawapan terhadap jenis soalan-soalan tersebut dapat membantu kami untuk membentuk kesimpulan kami.

F. Elemen dalam Pembuktian dan Penyangkalan Pembuktian

Kami mempertimbangkan sebarang dan kesemua elemen dalam pembuktian dan penyangkalan pembuktian yang terdapat dan yang berkemungkinan. Seseengah klu bagi bukti tidak membawa kepada apa-apa keputusan. Namun kami cuba untuk mengikuti klu bukti tersebut.

1) Suatu ancaman yang tergambar

Parti Komunis China (PKC) melihat Falun Gong sebagai suatu ancaman terhadap monopolinya dalam kekuasaan ideologi di China pada akhir 1990-an. Ancaman yang tergambar ini tidak membuktikan dakwaan-dakwaan tersebut. Namun, sekiranya Falun Gong tidak dilihat sebagai ancaman kepada kekuasaan PKC, maka dakwaan tersebut akan dilemahkan.

Falun Gong diasaskan di Timur Laut China pada 1992 oleh Li Hongzhi. Pada 1980-an, Li bermula untuk mempraktikkan qigong, suatu sistem gerakan yang kuno, dan kadang-kala dipanggil sebagai "yoga Cina", yang diajar untuk meningkatkan sensitiviti bagi kesihatan dan kerohanian. Pelbagai qigong mengalami penindasan dan penekanan di seluruh China pada 1949 selepas PKC merampas kekuasaan di Beijing, namun keadaan menjadi kurang tertekan di sekitar 1980-an bagi pelbagai qigong, termasuk Falun Gong.

Falun Gong telah diperkembangkan oleh Li pada masa baru-baru ini dan mengandungi elemen-elemen Confucianisme, Buddhisme dan Taoisme. Secara intipatinya, Falun Gong mengajar cara-cara bagi meditasi melalui pergerakan-pergerakan senaman yang bertujuan untuk meningkatkan kesihatan fizikal and kerohanian. Gerakan tersebut adalah tidak bersifat politik dan pengikutnya mempraktikkan sejati, baik dan sabar, melepasi halangan kaum, negara dan kebudayaan. Keganasan adalah dikutuk oleh pengamal-pengamal Falun Gong. Li mendaftarkan gerakannya dengan Persatuan Kajian Qigong China (Qigong Research Association China) dan menjelang pertengahan dalam 90-an, dikatakan telah mempunyai kira-kira 60 juta pengamal. Jabatan kesukanan bagi kerajaan China sendirinya menganggarkan terdapat 70 juta pengamal Falun Gong pada 1999.

Menurut buku yang ditulis Professor Maria Hsia Chang, "Falun Gong", yang diterbitkan oleh Universiti Yale pada 2004,

"Menurut laporan, golongan usia pertengahan dan golongan kelas pertengahan merupakan massa yang utama bagi Falun Gong, walaupun pengamalnya juga datang daripada golongan pelajar, orang tua dan juga petani. Mereka berasal daripada pelbagai lapisan masyarakat: guru, ahli fizik, tentera, kader PKC, wakil diplomat yang dihantar di luar negeri, dan kakitangan kerajaan yang lain. Lebih daripada itu, juga dilaporkan bahawa daripada kalangan pengikut Master Li adalah teman dan ahli keluarga bagi sesetengah pegawai tinggi dalam kerajaan China, ini termasuklah Presiden Jiang, Perdana Menteri Zhu dan pegawai-pegawai kerajaan dalam Majlis Negeri, cabang eksekutif dalam kerajaan." [1]

Falun Gong merupakan bahagian yang terledak dalam aktiviti kepercayaan yang muncul di China sejak 1980-an sebagai "'vacum kerohanian' pada zaman selepas-Mao dan pengurangan kawalan ideologi Parti dalam masyarakat ..." [2] Daya tarikan terhadap Falun Gong secara khususnya adalah berdasarkan bahagian komitmennya untuk menggabungkan sains moden dengan kebudayaan Cina.

Sebelum Falun Gong diharamkan oleh PKC pada Julai 1999, pengamal-pengamalnya berkumpul secara berkala di bandar-bandar yang tidak terkira untuk melakukan gerakan senaman qigong.

Seperti yang diutarakan oleh Chang, di Beijing sahaja terdapat lebih daripada 2000 tempat berlatih qigong tersebut. Perdana Menteri China Zhu pernah sekali, kelihatan gembira dengan pertambahan kepopularan bagi gerakan Li kerana kesan sosial positifnya yang termasuk pengurangan kos perubatan bagi pengamal-pengamal, yang biasanya adalah sihat. Adalah dilaporkan bahawa Presiden Jiang dengan sendirinya telah mengambil bahagian dalam qigong pada 1992 dengan menjemput ahli daripada Zhong Gong, suatu kumpulan yang menuntut mempunyai 38 juta keahlian, untuk mengubati arthritis dan kesakitan lehernya (menjelang awal 2000, walau bagaimanapun, kerajaan Jiang mengharamkan Zhong Gong, sebagai suatu "agama sesat" dan mengusir pemimpinnya keluar daripada China). [1]

Konfrontasi peribadi Jiang dengan Falun Gong telah bermula pada 1996, Chang dan banyak pemerhati yang lain menyimpulkan bahawa, apabila buku Li, "Rotating the Law Wheel", telah dijual hampir sejuta buah di seluruh China. Ini telah menakutkan pemimpin-pemimpin parti, termasuk Jiang, terhadap pertambahan populariti dalam gerakan tersebut. Takut dengan kemungkinan pertentangan politik dengan kerajaan, PKC mengharamkan penjualan buku "Falun Gong China" dan bahan terbitan yang lain dan menuduh Li merampas publik daripadanya. Chang menuliskan bahawa:

"Merasakan bahawa beliau dan Falun Gong tidak disenangi, dan dilaporkan bahawa desakan daripada pihak berkuasa, Li berhijrah ke Amerika Sarikat pada awal 1998, di mana beliau telah mendapat status warga penempatan kekal." [1]

Fasa kempen yang tidak berupa keganasan berterusan sehingga Mei 1998, apabila televisyen kerajaan merujuk Falun Gong sebagai "tahyul". Menurut kajian Chang, ini membawa kepada ratusan parti PKC, warga saraan kerajaan dan tentera, yang

menyokong Falun Gong, membuat rayuan kepada Jiang supaya mengiktirafkan dan mengesahkan Falun Gong, namun gagal. PKC selepas itu menyiarkan sebuah artikel dalam suatu majalah (Sains dan Teknologi untuk Remaja) yang menuduh Falun Gong sebagai sesuatu yang tahyul dan suatu risiko bagi kesihatan kerana pengamalannya mungkin enggan untuk menerima rawatan perubatan yang konvensional bagi penyakit yang serius. Sebilangan besar penyokong Falun Gong berdemonstrasi secara aman terhadap kandungan majalah tersebut di luar pejabat editor di Tianjin. Apabila penahanan dan pemukulan polis berlaku, seterusnya protes yang lain pula berlaku di ibu kota negara, Beijing. [1]

Pada 25 April 1999, 10,000 hingga 16,000 warga kota China berkumpul dari pagi hingga lewat malam di luar ibu pejabat PKC, Zhongnanhai yang berdekatan dengan Kota Larangan Beijing (Forbidden City). Peserta-pesertanya termasuklah golongan intelektual, kakitangan kerajaan dan anggota parti. Protes adalah bersifat senyap; tiada poster mahupun satu slogan politik atau hasutan disuarakan. Chang: "Pada hari demonstrasi tersebut, Jiang mengelilingi Zhongnanhai dengan kereta limusannya dan menatap massa berkumpul melalui cermin tingkapnya. Malam tersebut, jelasnya telah digegarkan dengan demonstrasi tersebut, Jiang menulis kepada Politburo PKC bagi memberi jaminan kepada rakan sekerjanya bahawa dia percaya bahawa "Marxisme dapat memenangi Falun Gong". [1] PKC yang memonopoli kekuasaan di China selama setengah abad secara tiba-tiba dalam pandangan peribadi ketua sekarang adalah dalam kebahayaan.

David Ownby, Pengarah bagi Pusat Kajian bagi Asia Timur di University of Montreal, juga seorang pakar khusus dalam sejarah moden Cina, menulis secara terang-terang apa yang berlaku pada pertengahan 2001 dan sebelumnya dalam suatu kerja kertas yang disediakan pada lima tahun lalu, untuk Institut Kanada bagi Hal-ehwal Antarabangsa (Canadian Institute of International Affairs). [2] Ownby membuat pemerhatiannya bahawa

"Sifat baik Falun Gong di Amerika Utara; dan tuduhan jelas watak "jahat" di China membawa warga Kanada yang prihatin terhadap hak asasi manusia untuk melihat secara teliti kes penentangan terhadap Falun Gong,"

walaupun pemimpin China menggelar Falun Gong sebagai "agama sesat", Ownby menuliskan

"Mereka yang mempraktikkan Falun Gong di Kanada dan di Amerika Syarikat tidak memperlihatkan unsur-unsur dan ciri-ciri "agama sesat" dalam pemahaman umum. Penuduhan "agama sesat" oleh kerajaan China terhadap Falun Gong tidak dapat dipercayai melainkan kerajaan itu membenarkan pihak ketiga untuk mengenal pasti tuduhan salah laku yang disebutkan di China. PKC pada hakikatnya telah bertindak balas atas ketakutan terhadap kemampuan Falun Gong dalam menggerakkan pengikut-pengikutnya..."

2) Suatu polisi penindasan

Sekiranya pengambilan organ daripada pengamal Falun Gong berlaku secara meluas di seluruh China, orang ramai mungkin dapat menjangkakan bahawa polisi kerajaan

mungkin secara langsungnya membawa kepada kesan tersebut. Sifat kerahsiaan dan ketutupan dalam pembentukan dan formulasi polisi di China menghalang kami daripada menentukan sama ada polisi sebegini wujud ataupun tidak.

Namun begitu, kami tahu bahawa penindasan dan penganiayaan terhadap Falun Gong adalah wujud, sebagai suatu polisi rasmi. Terdapatnya beberapa kenyataan polisi yang keras, seperti yang disertakan dalam apendiks, oleh kerajaan China dan Parti Komunis China, memanggil untuk melancarkan penindasan terhadap Falun Gong, termasuk penindasan secara fizikal. Kenyataan tersebut adalah konsisten dengan dakwaan yang kami dengar.

Menurut Li Baigen, pembantu kepada Pengarah bagi Pejabat Perancangan Perbandaran Beijing yang menghadiri suatu mesyuarat pada 1999, tiga petugas utama bagi Pejabat 610 memanggil untuk lebih daripada 3000 kakitangan ke Dewan Besar Rakyat dalam bandar untuk membincangkan perihal kempen menentang Falun Gong, yang selepas itu tidak berjalan dengan lancar. Demonstrasi berlaku secara berterusan di sekitar bandar. Kepala bagi Pejabat 610, Li Lanqing, mengumumkan secara lisan polisi baru kerajaan dalam kempen tersebut: "menfitnah dan membusukkan reputasi mereka (massa Falun Gong), membankrupkan mereka daripada segi ekonomi dan menghapuskan mereka secara fizikal." Nampaknya sejak daripada mesyuarat tersebut, kematian penyokong-penyokong Falun Gong di tangan polis mula direkodkan sebagai bunuh diri.

Kami diberitahukan oleh pengamal Falun Gong di Kanada, bahawa banyak rakan pengamal mereka di China diberitahu oleh pegawai penguatkuasaan undang-undang di tempat yang berlainan, bahawa "kematian bagi ahli Falun Gong dianggap sebagai bunuh diri, dan mereka akan dibakar secara terus".

3) Penghasutan bagi menghasilkan dendam kesumat

Falun Gong di China dilucutkan hak asasi manusianya daripada segi tutur kata dan kelakuan. Arahan-arahan polisi bersertakan penghasutan kepada populasi masyarakat dalam jumlah yang besar untuk menjustifikasikan polisi, untuk menarik orang ramai bagi turut serta juga dalam penindasan, dan menghalang sebarang penentangan. Penggunaan jenis pertuturan kata atau istilah sebegini terhadap kumpulan tertentu jelasnya telah menjadi suatu tanda-tanda dan ciri-ciri pencabulan terhadap hak asasi manusia.

Menurut Amnesti Antarabangsa (Amnesty International), PKC mengambil tiga strategi untuk menjatuhkan Falun Gong: melakukan keganasan terhadap pengamal-pengamal yang enggan melepaskan kepercayaan mereka; "mencuci otak" semua pengamal bagi memaksa mereka melepaskan kepercayaan terhadap Falun Gong dan memisahkan diri dengannya, dan juga kempen media yang lebih efektif iaitu menghasut pandangan umum menentang Falun Gong. [3]

Kempen media mementaskan suatu insiden pada 23 Januari 2001 apabila lima orang yang digelar sebagai pengamal Falun Gong oleh PKC, termasuk seorang budak perempuan yang berumur 12 tahun dan ibunya, kononnya mereka membakar diri di Lapangan Tiananmen. Media negara China berulang-ulang menyiarkan imej gambar

tubuh budak perempuan tersebut yang terbakar teruk dan menggemparkan, dan juga bahan-bahan yang bertujuan untuk mencemar nama baik kumpulan tersebut selepas insiden itu untuk mengubah pandangan masyarakat terhadap Falun Gong. Perhatian banyak diberikan terhadap sama ada pada hakikatnya kerajaan China mengarahkan dan mementaskan lakonan dalam seluruh insiden.

Penghasutan bagi menghasilkan dendam kesumat tidak cukup spesifik untuk menunjukkan bentuk penindasan secara konkrit. Namun, penghasutan itu cukup untuk menyebabkan sebarang, dan malahan semua cara penindasan yang paling teruk sekali. Adalah susah sekali untuk membayangkan dakwaan-dakwaan yang kami dengar untuk menjadi benar sekiranya propaganda jenis ini tidak hadir. Sekiranya jenis penghasutan ini wujud, fakta bahawa orang ramai turut serta dalam penentangan terhadap Falun Gong – mengambil organ mereka dan membunuh mereka dalam proses tersebut – malahan tidak menganggapnya mempunyai apa-apa masalah.

4) Penahanan secara beramai-ramai

Walaupun dengan kempen media, beribu-ribu lelaki dan perempuan berangkat ke Beijing untuk melakukan protes atau membentangkan panji-panji yang menyerukan pengiktirafan terhadap kumpulan tersebut hampir setiap hari.[4] Penulis Jennifer Zeng, yang dahulunya pernah tinggal di Beijing dan sekarang menetap di Australia, mengesahkan bahawa dia berupaya untuk memperoleh maklumat sulit bahawa sehingga akhir April 2001, terdapat kira-kira 830,000 penahanan terhadap penyokong-penyokong Falun Gong.

Bilangan penyokong-penyokong Falun Gong yang ramai dikenakan penahanan secara rahsia dan sembarangan tidak membuktikan dakwaan tersebut. Namun sebaliknya, sekiranya penahanan besar-besaran tidak berlaku, maka dapat melemahkan dakwaan tersebut. Suatu kumpulan orang yang amat besar yang terletak di bawah dorongan dan kekuasaan kerajaan, dan mereka itu adalah tanpa sebarang bantuan dan hak perlindungan, telah menyediakan suatu sumber yang berpotensi bagi pengambilan organ secara tidak rela.

5) Penindasan

Penindasan terhadap Falun Gong termasuklah pembentukan suatu kekuasaan khusus, Pejabat 610 [5] [6] oleh Presiden Jiang, di setiap wilayah, bandar, daerah, universiti, jabatan kerajaan dan perniagaan yang dimiliki kerajaan bagi menerajui penyerangan. Mandat Jiang kepada Pejabat 610 adalah untuk “menghapuskan” Falun Gong [6]. Ini termasuklah ribuan demi ribuan pengamal-pengamal Falun Gong dimasukkan ke dalam penjara dan kem buruh pada permulaan musim luruh 1999. Mengikut laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (The US State Department) 2005 tentang China[7], sebagai contohnya, menunjukkan polis China mengerjakan beratus-ratus pusat penahanan, dengan 340 buah pusat pengubahan pemikiran semula yang setiap satunya memiliki keupayaan untuk menampung kira-kira 300,000 orang. Laporan tersebut juga menunjukkan bilangan pengamal-pengamal Falun Gong yang mati di dalam penjara dianggarkan daripada ratusan sehingga ribuan.

Laporan terbaru [8] daripada Penyiasat Khusus PBB tentang Penderaan menunjukkan

"Sejak 2000, Penyiasat Khusus PBB dan bekasnya telah mengajukan laporan tentang 314 kes tuduhan penderaan kepada kerajaan China. Kes-kes tersebut mewakili lebih daripada 1,160 individu." Dan "sebagai tambahan terhadap angka ini, kes yang dihantar pada 2003 (E/CN.4/2003/68/Add.1 para. 301) adalah dirujuk, menghuraikan dengan terperinci layanan teruk dan penderaan terhadap ribuan pengamal Falun Gong." Tambahan pula, laporan tersebut menunjukkan 66% daripada mangsa yang mendakwa mereka didera dan mendapat layanan teruk ialah pengamal-pengamal Falun Gong, dengan baki mangsanya termasuklah orang Uyghurs (11%), pekerja seks (8%), orang-orang Tibet (6%), pembela hak asasi manusia (5%), golongan yang mempunyai pandangan politik yang berbeza (2%), dan lain-lain (orang yang dijangkiti HIV/AIDS dan ahli-ahli kumpulan agama 2%).

Kerajaan setempat di semua tempat diberi kuasa yang tidak terhad untuk melaksanakan arahan daripada Beijing pada 1999 dan selepas itu. Ini termasuklah banyak percubaan yang dipentaskan selepas itu untuk menunjukkan kepada populasi masyarakat China bahawa pengamal-pengamal Falun Gong membunuh diri dengan membakar diri, membunuh, mencederakan ahli keluarga dan menolak rawatan perubatan. Dengan masa berlalu, kempen tersebut telah mendapat kesan yang diinginkan, dan kebanyakan orang ramai di China telah menerima pandangan PKC terhadap Falun Gong. Hanya selepas pada 1999, Kongres Nasional Rakyat telah memutuskan undang-undang baru yang bersasarkan Falun Gong dan bertujuan untuk mengabsahkan perlakuan bersirinya yang menyalahi undang-undang terhadap ahli-ahli Falun Gong.

Kisah yang disiarkan biro Beijing bagi "Washington Post" pada dua musim luruh selepas itu (5 Ogos 2001) [8] cukup menggambarkan keparahan dalam cara Pejabat 610 dan agen-agen yang lain dalam rejimnya dalam menentang pengamal-pengamal Falun Gong:

"Dalam sebuah stesen polis di barat Beijing, Ouyang telah dilucutkan pakaiannya dan disoal selama lima jam. 'Jika saya membalas dengan tidak betul, iaitu jika saya tidak cakap, 'ya,' mereka akan merenjatkan saya dengan belatan elektrik,' katanya. Selepas itu, dia dihantar ke sebuah kem buruh di pinggir kota di barat Beijing. Di sana, pengawal-pengawal mengarahkannya untuk berdiri menghadapi suatu dinding. Jika dia beranjak, mereka akan merenjatkannya. Jika dia rebah keletihan, mereka akan merenjatkannya..."

"(Selepas itu) dia dibawa ke hadapan sekumpulan tahanan pengamal-pengamal Falun Gong dan memberikan kenyataan sekali lagi bahawa dia melepaskan kepercayaan Falun Gong, di depan video kamera. Ouyang meninggalkan penjara dan masuk ke kelas cuci otak. Dua puluh hari selepas mempertikaikan Falun Gong untuk 16 jam sehari, dia 'tamat pengajian'. 'Tekanan yang dikenakan terhadapnya adalah tidak dapat dibayangkan,' katanya. 'Dalam dua tahun yang lepas, saya telah

melihat perkara yang paling teruk yang boleh dilakukan manusia. Kami benar-benar ialah binatang yang paling teruk di bumi ini."

Ownby menuliskan bahawa organisasi hak asasi manusia "telah sebulat suara mengutuk kempen kejam PKC terhadap Falun Gong, dan banyak kerajaan di dunia, termasuk Kanada, telah menyatakan keprihatinan mereka." Beliau mengungkapkan laporan Amnesti Antarabangsa pada 2000 yang menyatakan bahawa 77 orang pengamal Falun Gong telah "mati di penjara, atau sejurus selepas dibebaskan, dalam keadaan yang disangsikan sejak penindasan bermula pada Julai 1999." [2]

6) Golongan yang tidak dikenal pasti dan golongan yang telah hilang

Penahanan terhadap Falun Gong, walaupun dalam banyak segi, adalah merupakan penindasan yang biasa dilakukan oleh PKC, dengan Falun Gong dijadikan sebagai sasaran yang malang; namun begitu, penahanan terhadap Falun Gong mempunyai ciri-ciri yang berbeza. Pengamal-pengamal Falun Gong yang datang dari seluruh negeri ke Lapangan Tiananmen di Beijing untuk mengajukan permohonan dan pembantahan telah ditahan. Mereka yang memberitahukan identiti mereka kepada pihak yang menangkap mereka akan dihantar balik ke tempat kediaman mereka. Ahli keluarga mereka akan dibabitkan sama sekali dalam hal ini, ahli keluarga mereka akan diberi tekanan untuk memanggil mereka untuk meninggalkan Falun Gong. Pemimpin tempat kerja mereka, rakan sekerja mereka, pemimpin kerajaan setempat mereka akan dikenakan untuk bertanggungjawab dan didenda bagi tindakan individu tersebut yang telah pergi ke Beijing untuk mengajukan permohonan dan pembantahan.

Untuk melindungi ahli keluarga mereka dan bagi mengelakkan diri daripada bermusuhan dengan orang ramai di tempat mereka, banyak pengamal Falun Gong yang ditahan menolak untuk mendedahkan identiti mereka. Ini membawa kepada sebilangan besar populasi tahanan Falun Gong yang identitinya tidak diketahui oleh pihak berkuasa. Juga, tiada sesiapa yang mengenali mereka tahu di mana mereka berada.

Walaupun mereka enggan mendedahkan identiti mereka adalah bertujuan untuk perlindungan, namun ini juga mempunyai kesan yang sebaliknya. Adalah lebih mudah untuk memangsakan seseorang yang tidak memberitahukan keadaan dan lokasinya kepada ahli keluarganya, berbanding dengan orang yang memberitahu keadaannya kepada ahli keluarga mereka. Golongan tersebut ialah suatu golongan yang tanpa jaminan, mahupun dengan standard China.

Populasi bagi golongan yang tidak dikenal pasti akan dilayan dengan amat teruk sekali. Bahkan mereka akan digerakkan dalam sistem penjara China bagi sebab yang tidak diterangkan kepada tahanan.

Apakah populasi tersebut akan dijadikan sebagai sumber pengambilan organ Falun Gong? Jelasnya, hanya dengan kewujudan populasi tersebut tidak memberitahukan kita demikian. Namun, kewujudan bagi populasi ini menyediakan suatu penjelasan yang tersedia bagi sumber pengambilan organ, sekiranya dakwaan-dakwaan

tersebut adalah benar. Anggota dalam populasi ini boleh hilang tanpa diketahui oleh pihak di luar sistem penjara. Maklumat tentang populasi bagi golongan yang tidak dikenal pasti itu disertakan sebagai apendiks dalam laporan ini.

Pada hakikatnya, terdapatnya banyak pengamal Falun Gong yang hilang. Satu apendiks dalam laporan ini menyenaraikan bukti-bukti bagi kehilangan tersebut. Sekiranya setiap pengamal Falun Gong dapat hadir dan dikira bilangannya, maka dakwaan-dakwaan yang dihadapi akan dapat disangkal. Namun seseorang itu boleh hilang bagi pelbagai sebab. Kehilangan adalah suatu pencabulan terhadap hak asasi manusia yang PKC harus bertanggungjawab. Namun mereka tidak semestinya merupakan pencabul dalam hal ini.

Adalah munasabah untuk mempercayai bahawa PKC patut bertanggungjawab terhadap kehilangan banyak pengamal Falun Gong. Kehilangan tersebut tidak membuktikan dakwaan-dakwaan yang dihadapi mereka. Namun, seperti banyak faktor yang kita pertimbangkan, kehilangan tersebut adalah konsisten dengan dakwaan-dakwaan yang dibuat.

7) Sumber datangnya pemindahan organ

Terdapat banyak pemindahan organ yang tidak diketahui sumbernya. Kita tahu bahawa sesetengah organ datang daripada tahanan atau banduan yang dihukum mati. Amat sedikit datang daripada penderma rela ahli keluarga. Namun sumber-sumber ini menampakkan jurang yang besar dalam jumlah keseluruhan. Bilangan banduan yang dihukum mati dan sumber penderma rela adalah jauh perbezaannya dengan bilangan pemindahan organ.

Angka bilangan banduan yang dihukum mati sendirinya adalah tidak diumumkan. Kami hanya bertindak dengan membuat anggaran seperti yang disertakan dalam apendiks. Anggaran tersebut, apabila dipertimbangkan sebagai jumlah hukuman mati sedunia, adalah besar sekali, namun jauh sekali perbezaannya dengan jumlah pemindahan organ yang dianggarkan.

Sekurang-kurangnya 98% daripada organ bagi pemindahan organ datang daripada seseorang di luar lingkungan penderma keluarga.[10] Dalam kes bagi buah pinggang, sebagai contohnya, hanya 227 daripada 40,393 pemindahan organ buah pinggang – yakni kira-kira 0.6% - dilakukan dari 1971 hingga 2001 di China datang daripada penderma keluarga [11]. Negara China, disebabkan kebudayaan, adalah bersifat enggan untuk mendermakan organ mereka selepas mati. Masih tidak ada lagi sistem pendermaan organ yang teratur dibentuk di China [12] [10].

PKC mengakui menggunakan organ daripada banduan yang dihukum mati hanya pada tahun lepas sahaja[13][14], walaupun keadaan telah berterusan untuk bertahun-tahun. Rejim tersebut tiada sekatan untuk mencegah penjualan organ daripada "musuh dalam negara".

Menurut rekod AI [15], purata bagi bilangan banduan yang dihukum mati antara tahun 1995 hingga 1999 ialah 1680 setiap tahun. Purata bagi tahun 2000 and 2005

pula 1616 untk setiap tahun. Angka-angka ini adalah melantun balik tahun demi tahun, tetapi secara keseluruhannya purata bilangan bagi tempoh sebelum dan selepas penindasan terhadap Falun Gong bermula adalah sama. Sebab hukuman mati tidak dapat menjelaskan pertambahan dalam bilangan pengambilan organ di China semenjak penindasan terhadap Falun Gong bermula.

Menurut laporan umum, terdapat kira-kira 30,000 [16] jumlah pemindahan organ yang dilakukan di China sebelum 1999 dan kira-kira 18,500 [16] [17] dalam tempoh enam tahun dari 1994 hingga 1999. Professor Bingyi Shi, timbalan Pengerusi bagi Persatuan Pemindahan Organ Perubatan China, berkata terdapat kira-kira 90,000 [18] jumlah pemindahan organ sebelum 2005, dan 60,000 dalam tempoh enam tahun dari 2000 hingga 2005 semenjak penindasan terhadap Falun Gong bermula.

Bilangan sumber-sumber pemindahan organ yang lain yang diketahui, penderma rela daripada ahli keluarga dan kematian otak, adalah sentiasa kecil. Pada 2005, pemindahan buah pinggang hidup mencakupi 0.5% daripada jumlah pemindahan organ di seluruh China [19]. Jumlah bagi penderma kes kematian otak bagi semua tahun di seluruh China ialah 9 sehingga Mac 2006 [19] [20]. Tiada tanda-tanda bagi pertambahan dalam kategori tersebut dalam tahun belakangan ini. Dianggarkan bahawa sumber pemindahan organ yang diketahui puncanya yang menghasilkan 18,500 pemindahan organ dalam tempoh enam tahun dari 1994 hingga 1999 akan mempunyai bilangan pemindahan organ yang sama dalam enam tahun yang berikutnya dari 2000 hingga 2005. Ini bermaksud bahawa sumber bagi 41,500 pemindahan organ bagi enam tahun dari 2000 hingga 2005 adalah tidak dapat diperjelaskan.

Dari mana datangnya organ tersebut bagi 41,500 pemindahan organ? Dakwaan pengambilan organ daripada pengamal-pengamal Falun Gong telah menjawab pertanyaan ini.

Sekali lagi jurang perbezaan bagi angka-angka tersebut tidak dapat mengesahkan dakwaan pengambilan organ daripada pengamal Falun Gong adalah benar. Namun sebaliknya, suatu penjelasan penuh terhadap sumber datangnya bagi semua pemindahan organ tersebut, akan menyangkal dakwaan yang dibuat tersebut. Sekiranya sumber datangnya bagi semua pemindahan organ dapat dikesan sama ada daripada penderma rela ataupun banduan mati, maka dakwaan Falun Gong akan disangkal. Namun pengesahan ini adalah mustahil.

Anggaran terhadap hukuman mati China biasanya adalah lebih tinggi daripada angka hukuman mati yang diumumkan. Tiada laporan tentang statistik secara keseluruhannya bagi hukuman mati, membawa kepada jumlahnya hanya boleh dianggarkan sahaja.

Salah satu daripada beberapa teknik yang digunakan untuk menganggarkan angka hukuman mati ialah bilangan pembedahan bagi pemindahan organ. Disebabkan adalah diketahui bahawa sekurang-kurangnya sesetengah pemindahan organ datang daripada banduan mati, dan juga bahawa adalah sedikit secara bandingannya,

sesetengah penganalisa menyimpulkan daripada segi bilangan pemindahan organ bahawa bilangan hukuman mati telah meningkat.

Penaakulan ini adalah tidak menakutkan. Seseorang itu tidak boleh menganggarkan hukuman mati daripada pemindahan organ melainkan hukuman mati itu adalah merupakan satu-satunya sumber pemindahan organ. Lagi, pengamal Falun Gong merupakan satu lagi sumber yang didakwa. Adalah mustahil untuk menyimpulkan bahawa, pengamal-pengamal tersebut adalah bukan suatu sumber bagi pemindahan organ, dengan hanya mengambil kira bilangan hukuman mati tersebut ditentukan daripada bilangan pemindahan organ.

Terdapat hanya 22 [21] pusat pemindahan hati yang beroperasi di seluruh China sebelum 1999, berbanding dengan 500 buah pusat pemindahan organ dengan peralatan lengkap pada pertengahan April 2006 [22] [12]. Jumlah bilangan pembedahan pemindahan hati di seluruh China adalah 135 kes pada 1998 [11], berbanding dengan lebih daripada 4000 kes [18] pada 2005 sahaja. Bagi buah pinggang, coraknya juga adalah jelas (3,596 [11] pemindahan pada 1998 dan hampir 10,000 [18] pada 2005).

Pertambahan pemindahan organ di China adalah selari dengan pertambahan daripada segi keparahan dalam penindasan terhadap Falun Gong. Pertambahan secara selari, sendirinya, tidak membuktikan dakwaan tersebut. Namun pertambahan itu adalah konsisten dengan dakwaan tersebut. Sekiranya keselarian tersebut adalah tidak wujud, iaitu andaian ketidakwujudan akan dapat menyangkal dakwaan yang dibuat tersebut.

8) Ujian darah

Kami memahami bahawa pengamal-pengamal Falun Gong di bawah penahanan adalah diuji darahnya secara bersistematik. Kami telah mendengar sebilangan besar pengakuan, ujian darah tersebut adalah benar-benar wujud, dan bukannya syak semata-mata. Mengapakah pengamal-pengamal diuji darahnya?

Pengamal-pengamal adalah tidak diberitahu. Ujian darah adalah bukan seperti bagi tujuan kesihatan. Pertama, adalah tidak perlu untuk membuat ujian darah secara bersistematik hanya sebagai langkah berjaga-jaga bagi kesihatan. Kedua, kesihatan pengamal-pengamal Falun Gong dalam tahanan adalah tidak diendahkan daripada banyak aspek. Maka, adalah kurang munasabah bagi pihak berkuasa untuk melakukan ujian darah pengamal-pengamal Falun Gong, adalah sebagai langkah berjaga-jaga dalam kesihatan. Si penderma adalah perlu untuk dipadankan dengan si penerima supaya antibodi bagi si penerima tidak menolak organ si penderma.

Hanya dengan fakta ujian darah sahaja tidak mengesahkan pengambilan organ daripada pengamal-pengamal Falun Gong. Namun penaaakulan secara daripada belakang adalah benar. Sekiranya tiada ujian darah dilakukan, maka dakwaan yang dibuat dapat disangkal. Ujian darah terhadap pengamal-pengamal Falun Gong secara meluas dalam tahanan telah memutuskan kemungkinan bagi hujah penentang dalam fakta ini.

9) Mayat yang kehilangan organ

Sebilangan ahli keluarga bagi pengamal-pengamal Falun Gong yang mati dalam tahanan melaporkan bahawa mereka nampak mayat orang yang tersayang mereka disertai dengan bukaan pembedahan dan juga kehilangan bahagian tubuh badan. Pihak berkuasa tidak memberikan penjelasan yang koheren atau jelas terhadap mayat yang tidak sempurna ini. Sekali lagi bukti tentang mayat yang tidak sempurna ini adalah disertakan sebagai appendiks dalam laporan ini.

Kita hanya mempunyai beberapa contoh kes bagi mayat yang tidak sempurna itu. Kami tiada penjelasan yang rasmi tentang mengapa mayat adalah tidak sempurna dan dicatatkan. Kecacatan mereka adalah konsisten dengan pengambilan organ. Jika tidak, kita benar-benar tidak dapat menduga mengapa mayat ini adalah tidak sempurna dan bahagian tubuhnya dialihkan.

10) Suatu pengesahan

Kami menemui dengan seorang saksi yang mengatakan bahawa yang suaminya, seorang pakar bedah pernah memberitahu kepadanya bahawa suaminya pernah membedah kornea daripada 2,000 tahanan Falun Gong yang dibiuskan di Timur Laut China bagi tempoh dua tahun sebelum Oktober 2003 (waktu semasa suaminya enggan untuk meneruskannya) Pakar bedah tersebut berkata dengan jelas kepada isterinya bahawa tiada "penderma" kornea yang hidup kerana pakar-pakar bedah yang lain akan membedah organ-organ penting yang lain dan seluruh jasad tubuh mereka akan dibakar. Wanita tersebut adalah bukan seorang pengamal Falun Gong.

Pengesahan tersebut adalah datang daripada sumber kedua (second hand). Wanita tersebut bukannya mengakui sesuatu yang dilakukannya. Tetapi dia telah menceritakan suatu pengakuan yang menakutkan daripada suaminya.

Kenyataan daripada saksi ini perlu dinilai bagi kebolehpercayaannya, ini dilakukan dalam bahagian akhir dalam laporan ini. Sini kami boleh mengatakan, sekiranya pengesahan ini dapat dipercayai, maka dakwaan-dakwaan tersebut adalah benar.

11) Pengakuan

Salah seorang daripada kami, bersama-sama dengan seorang penterjemah Mandarin-Inggeris yang bertauliah, telah mendengar perbualan telefon, yang direkodkan antara pihak pegawai-pegawai PKC dengan pihak pemanggil bagi pihak komuniti Falun Gong di Kanada dan Amerika Syarikat, yang diungkapkan dalam laporan ini.

Salinan transkrip dalam Mandarin dan Inggeris berkenaan yang disahkan diberikan kepada kami. Ketepatan terjemahan bagi bahagian yang digunakan dalam laporan ini adalah diuji dan disahkan oleh penterjemah yang bertauliah, Mr. C. Y., seorang penterjemah yang bertauliah daripada kerajaan Ontario. Beliau telah mengesahkan bahawa beliau telah mendengar rekod perbualan yang dirujuk dalam laporan ini, dan telah membaca transkrip tersebut dalam bahasa Mandarin dan versi perbualan dalam bahasa Inggeris yang diterjemahkan, dan megesahkan bahawa transkrip

tersebut adalah benar dan terjemahan adalah tepat. Juga terdapat rekod asal bagi panggilan yang dibuat. Seorang daripada kami bertemu dengan dua orang pemanggil telefon di Toronto pada 27 Mei untuk membincangkan jarak, masa, rekod, dan ketepatan terjemahan daripada Mandarin kepada Inggeris dan ciri-ciri lain bagi panggilan tersebut. Seorang daripada pemanggil, "Ms. M", yang tidak didedahkan identitinya bagi mengelakkan risiko bahaya kepada ahli keluarganya yang masih berada di China dan akan merujuk di bawah sebagai M, memberitahu kepada seorang daripada kami bahawa pada awal Mac 2006, dia telah menghubungi Biro Keselamatan Umum di Shanxi. Responden di sana memberitahunya bahawa banduan yang sihat dan muda adalah dipilih daripada populasi banduan untuk dijadikan sebagai penderma organ. Sekiranya calon-calon tidak dapat diperdaya bagi mendapatkan sampel darahnya yang diperlukan bagi tujuan pemindahan organ, pegawai tersebut akan terus mempamerkan kelakuan yang telus, dan pekerjaannya akan mengambil sampel darah secara paksa. Pada 18 atau 19 Mac 2006, M bercakap dengan seorang wakil daripada Bahagian Mata di Hospital Tentera Pembebasan Rakyat di Shenyang in Tenggara China, walaupun dia tidak berupaya untuk membuat transkrip rekod yang penuh. Catatan M menunjukkan bahawa orang yang menggelar dirinya sebagai Ketua Ahli Fizik dalam bahagiannya berkata faksilitinya melakukan "banyak pembedahan kornea", tambahannya lagi "Kami juga mempunyai kornea yang segar." Apabila ditanya apakah yang dimaksudkan itu, Ketua Ahli Fizik menjawab "...baru diambil daripada jasad tubuh".

Di Hospital Tentera 301 di Beijing pada April 2006, seorang pakar bedah, memberitahkan M bahawa dia (seorang wanita) melakukan pemindahan hati dengan sendiri, tambahannya lagi bahawa sumber bagi organ ialah suatu "rahsia negara" dan sesiapa yang mendedahkan sumber tersebut "boleh dilucutkan kelayakannya daripada menjalankan pembedahan sebegini."

Penyiasat kedua bagi Organisasi Dunia untuk Menyiasat Penindasan Terhadap Falun Gong membuat panggilan daripada Amerika Syarikat, dan dirujuk di bawah sebagai N. N telah menelefon kira-kira tiga puluh hospital, pusat tahanan dan mahkamah di seluruh China dan merekodkan sebilangan daripada mereka mengakui pengambilan organ terhadap pengamal-pengamal Falun Gong. Cara-caranya, terjemahannya, dan sebagainya telah disemak oleh salah seorang daripada kami yang menemuinya di Toronto pada 27 Mei, pada dasarnya adalah sama dengan M, maka kedua-dua kami menerimanya sebagai tepat menghuraikan apa yang diperkatakan dalam telefon. Penterjemah yang mempunyai kredit yang sama juga telah menterjemahkan teks perbualan yang direkodnya.

Pengakuan Hospital-hospital dan Pusat Tahanan dalam Perbualan Telefon

MASIH LAGI TERDAPATNYA ORGAN FALUN GONG

Pengakuan daripada Pusat Tahanan Mishan:

Pada 8 Jun 2006, seorang pegawai di pusat tahanan bandar Mishan, Wilayah Heilongjiang mengakui bahawa pusat tersebut mempunyai sekurang-kurangnya lima atau enam orang tahanan lelaki pengamal Falun Gong di bawah umur 40 tahun diperlakukan sebagai pembekal organ. Mr. Li daripada

pusat tersebut juga memberikan maklumat bagi operasi memilih tahanan Falun Gong sebagai pembekal organ bagi hospital-hospital:

1. Pusat tahanan tersebut pada masa itu memilih organ pembekal, bukannya hospital.
2. Pengarah Cui bagi pusat tahanan pada masa perbualan itu ialah orang yang dihubungi untuk bekalan organ.
3. Darah akan diambil daripada banduan yang dipilih untuk menjadi pembekal organ, dan banduan tersebut tidak mengetahui tujuan bagi ujian darah tersebut.
4. Pusat tahanan mempunyai pelbagai cara untuk memperoleh sampel darah daripada "penderma" yang enggan.

Hospital Zhongshan di Shanghai:

Seorang doktor dalam hospital ini pada pertengahan Mac tahun ini mengatakan bahawa semua organnya datang daripada pengamal-pengamal Falun Gong.

Hospital Qianfoshan di Shandong:

Seorang doktor di hospital ini pada Mac menunjukkan bahawa dia mempunyai organ daripada pengamal-pengamal Falun Gong dan tambahannya lagi pada April akan ada "lebih banyak tubuh pembekal yang sedemikian..."

Hospital Minzu di bandar Nanning:

Pada Mei, Dr Lu daripada hospital ini berkata organ daripada pengamal Falun Gong adalah tidak terdapat di institusinya dan mencadangkan agar pemanggil untuk memanggil Guangzhou untuk mendapatkannya. Dia juga mengakui bahawa sebelum itu dia pergi ke penjara untuk memilih pengamal Falun Gong yang berumur 30-an yang sihat untuk mengambil organ mereka.

Universiti Perubatan Zhengzhou di Wilayah Henan:

Pada pertengahan Mac tahun ini, Dr Wang bagi pusat ini bersetuju bahawa "mereka akan memilih semua buah pingganng yang muda dan sihat..."

Hospital Kawasan Ketenteraan Guangzhou:

Dr Zhu dalam hospital ini pada April tahun ini mengatakan bahawa dia mempunyai beberapa buah pinggang jenis B daripada Falun Gong, dan akan mempunyai "beberapa kumpulan" sebelum 1 Mei dan mungkin tiada lagi sehingga 20 Mei atau selepas itu.

Pusat Pemindahan Organ Oriental:

Ketua Ahli Fizik Song dalam pusat ini pada pertengahan Mac tahun ini menawarkan bahawa hospitalnya mempunyai lebih daripada sepuluh "jantung yang berdegup". Pemanggil menanyakan apakah itu bermaksud "jasad tubuh hidup" dan Song menjawab, "Ya, memang."

Hospital Tongji bandar Wuhan:

Seorang pegawai dalam hospital ini selepas dua minggu memberitahu pemanggil bahawa "Itu tidak menjadi masalah" bagi pihak institusi mereka

apabila pemanggil berkata, "...kami berharap pembekal buah pinggang adalah hidup-hidup. Kami mencari pemindahan organ yang hidup daripada banduan, sebagai contohnya, menggunakan tubuh hidup daripada banduan yang mengamalkan Falun Gong, apakah itu mungkin?"

Pusat Tahanan dan Mahkamah:

Pusat Tahanan Pertama bandar Qinhuangdao
Seorang pegawai dalam pusat ini memberitahu pemanggil pada pertengahan Mei tahun ini bahawa dia sepatutnya membuat panggilan kepada Mahkamah Tengah Rakyat untuk mendapatkan buah pinggang Falun Gong.

Mahkamah Tengah Rakyat Qinhuangdao
Hari yang sama, seorang pegawai di Mahkamah Tengah Rakyat mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai buah pinggang Falun Gong yang hidup, tetapi mempunyainya pada masa lalu, khususnya pada 2001.

Biro Jenayah Pertama bagi Mahkamah Rakyat Jinzhou
Pada Mei tahun ini, seorang pegawai dalam mahkamah memberitahu pemanggil bahawa pengambilan buah pinggang Falun Gong pada masa itu bergantung kepada "kelayakan" pencari organ.

Peta China berikutnya menunjukkan kawasan di mana pegawai pusat tahanan atau hospital yang telah membuat pengakuan kepada penyiasat-penyiasat telefon:



Kebanyakan daripada teks panggilan telefon yang dicatatkan adalah dalam apendiks. Sebagai contoh, catatan bagi tiga perbualan adalah seperti berikut:

(1) Pusat Tahanan bandar Mishan, wilayah Heilongjiang (8 Jun 2006):

M: "Adakah kamu mempunyai pembekal [organ] Falun Gong? ..."

Li: "Kami pernah ada, ya."

M: "... bagaimana dengan sekarang?"

Li: "... Ya."

...

M: "Bolehkah kami datang untuk memilih, atau kamu menyediakan langsung kepada kami?"

Li: "Kami menyediakan mereka untuk kamu."

M: "Bagaimanakah dengan harga?"

Li: "Kami berbincang selepas kamu datang."

...

M: "... Berapa banyakkah [pembekal Falun Gong] di bawah umur 40 tahun yang kamu ada?"

Li: "Banyak juga."

...

M: "Apakah mereka lelaki atau wanita?"

Li: "Lelaki"

...

M: "Sekarang, bagi ... lelaki Falun Gong [tahanan], berapa banyakkah kamu ada?"

Li: "Tujuh, lapan, kami mempunyai [sekurang-kurangnya] lima, enam sekarang."

M: "Apakah mereka daripada desa atau daripada bandar?"

Li: "desa."

(2) Hospital Minzu bandar Nanning di Kawasan Autonomi Guangxi (22 Mei 2006):

M: "...bolehkah kamu mencari organ daripada pengamal Falun Gong?"

Dr. Lu:

"Biar saya memberitahu kamu, kami tiada cara untuk mendapatkan (mereka). Adalah sangat susah untuk mendapatkannya sekarang di Guangxi. Sekiranya kamu tidak boleh tunggu, saya mencadangkan bahawa kamu pergi ke Guangzhou kerana adalah mudah bagi mereka untuk mendapatkan organ tersebut. Mereka berupaya mendapatkannya di seluruh negeri. Semasa mereka melakukan pemindahan hati, mereka boleh mendapatkan buah pinggang untuk kamu pada masa yang sama, jadi adalah mudah bagi mereka untuk melakukannya. Banyak tempat yang kekurangan bekalannya pergi kepada mereka untuk bantuan..."

M: "Mengapakah adalah mudah bagi mereka untuk mendapatkannya?"

Lu: "Kerana mereka ialah sebuah institusi yang penting. Mereka berhubung dengan sistem (perundangan) atas nama seluruh universiti."

M: "Maka mereka mengambil organ daripada pengamal Falun Gong?"

Lu: "Betul..."

M: "...apa yang kamu gunakan sebelum ini (organ daripada pengamal Falun Gong), apakah itu datang daripada pusat tahanan atau penjara?"

Lu: "Daripada penjara."

M: "...dan organ itu adalah daripada pengamal Falun Gong yang sihat...?"

Lu: "Betul. Kami akan memilih yang baik kerana kami mesti menjamin kualitasnya bagi pembedahan."

M: "Itu bermaksud kamu memilih organ kamu sendiri."

Lu: "Betul..."

M: "Biasanya, berapakah umur bagi pembekal organ?"

Lu: "Biasanya tiga puluh."

M: "... Lepas itu kamu akan pergi ke penjara untuk memilih sendiri?"

Lu: "Betul. Kami mesti memilihnya."

M: "Apakah sekiranya yang dipilih itu tidak mahu untuk diambil darahnya?"

Lu: "Dia akan pasti membiarkan kami untuk melakukannya."

M: "Bagaimana?"

Lu: "Mereka sudah tentu akan mencari jalan. Apakah yang kamu bimbang? Perkara sebegini tidak sepatutnya kamu ambil berat. Mereka mempunyai prosedur mereka."

M: "Adakah orang tersebut tahu organnya akan diambil?"

Lu: "Tidak, dia tidak tahu."

(3) Pusat Pindahan Organ Oriental (juga dipanggil Hospital Pusat No 1 bandar Tianjin), bandar Tianjin, (15 Mac 2006):

N: "Adakah ini Ketua Ahli Fizik Song?"

Song: "Ya, sila bercakap."

...

N: Doktor dia memberitahunya bahawa buah pinggang adalah bagus sekali kerana dia [pembekal organ] mengamalkan ...Falun Gong."

Song: "Sudah tentu. Kami mempunyai mereka yang bernafas dan dengan jantung yang berdegup...Sehingga kini, bagi tahun ini, kami mempunyai lebih daripada sepuluh buah pinggang, lebih daripada sepuluh buah pinggang begini."

N: "Lebih daripada sepuluh buah pinggang? Kamu bermaksud tubuh hidup?"

Song: "Ya, memang."

12) Waktu penungguan

Laman web hospital di China mengiklankan masa penungguan yang pendek bagi pemindahan organ. Pemindahan organ bagi penderma yang telah lama mati tidak akan berjaya kerana kerosakan organ selepas kematian. Sekiranya kita menganggap promosi itu adalah benar, mereka telah memberitahu kita bahawa wujudnya sebilangan orang hidup yang dijadikan sebagai pembekal organ mengikut keperluan.

Masa penungguan bagi pemindahan organ bagi penerima organ di China adalah jauh lebih pendek berbanding dengan mana-mana sahaja. Laman web bagi Pusat Pembantu Pemindahan Organ Antarabangsa China (The China International Transplantation Assistant Centre) berkata, "Hanya mungkin mengambil masa seminggu sahaja untuk mencari penderma (buah pinggang) yang sesuai, yang maksimumnya pun sebulan..." [23]. Tambahnya, "Sekiranya sesuatu masalah yang berkaitan dengan organ penderma berlaku, pesakit akan mempunyai pilihan untuk ditawarkan organ penderma yang lain dan melakukan pembedahan sekali lagi dalam tempoh seminggu." [24] Laman bagi Pusat Pemindahan Organ Oriental pada awal April 2006, mendakwa bahawa "purata bagi masa penungguan (bagi satu hati yang sesuai) ialah 2 minggu." [25] Laman web bagi Hospital Changzheng di Shanghai mendakwa: "...purata bagi masa penungguan bagi bekalan hati ialah seminggu di kalangan semua pesakit" [26].

Secara kontrasnya, median bagi masa penungguan bagi buah pinggang di Kanada ialah 32.5 bulan pada 2003 dan di British Columbia, itu malahan lebih lama, selama 52.5 bulan [27]. Sekiranya seperti yang ditunjukkan, masa kelangsungan hidup bagi suatu buah pinggang adalah antara 24 hingga 48 jam dan suatu hati adalah kira-kira 12 jam [28], kehadiran bank simpanan besar "penderma" bagi buah pinggang dan hati mestilah merupakan satu-satunya cara yang pusat pemindahan organ China dapat memberikan jaminan jangka penungguan yang pendek kepada pelanggan. Masa penungguan yang pendek yang mengejutkan bagi pemadanan organ yang sempurna boleh mencadangkan bahawa kewujudan bagi kedua-dua sistem pemadanan komputer untuk pemindahan organ dan juga suatu bank simpanan yang besar bagi bakal "penderma" yang hidup.

Iklan-iklan tersebut tidak dapat mengenal pasti pengamal-pengamal Falun Gong adalah sumber bagi organ tersebut. Namun begitu, tiada sumber lain yang dikenal pasti. Sekalipun hujah bahawa Falun Gong ialah sumber bagi organ-organ tersebut adalah suatu dakwaan semata-mata, itu pun hanya satu dakwaan yang kami ada. Tiada kumpulan besar yang orangnya masih hidup sekarang telah dikenal pasti kepada kami sebagai suatu sumber organ yang bilangannya cukup banyak bagi memenuhi bilangan permintaan dan bekalan pemindahan organ sekarang di China.

13) Bukti kesalahan di laman web

Beberapa bahan yang terdapat dalam laman web daripada pelbagai pusat pemindahan organ di China sebelum 9 Mac 2006 (apabila dakwaan-dakwaan tentang pengambilan organ secara besar-besaran muncul semula di media Kanada dan media dunia lain) juga adalah disangsikan. Boleh difahami bahawa sebilangan

besar daripada bahan maklumat tersebut telah dialihkan. Maka, komen-komen tersebut akan hanya dirujuk kepada laman-laman yang masih boleh didapati di lokasi-lokasi akrib, dengan lokasi-lokasi laman adalah dirujuk sama ada dalam komen ataupun nota kaki. Bahan-bahan bagi pengakuan sendiri yang mengejutkan, masih dapat dilihat lagi oleh pengunjung laman web sehingga minggu terakhir dalam Jun 2006. Kami di sini menyenaraikan hanya empat contoh:

(1) Laman Web Pusat Bantuan Jaringan Pemindahan Organ Antarabangsa China
(<http://en.zoukiishoku.com/>)
(Bandar Shenyang)

Laman web ini pada 17 May 2006 dalam versi Inggeris (versi Mandarin dengan jelasnya hilang selepas 9 Mac) menunjukkan bahawa pusat tersebut adalah ditubuhkan pada 2003 di Hospital Gabungan Pertama bagi Universiti Perubatan China "...khususnya bagi orang asing. Kebanyakan daripada pesakit adalah daripada seluruh dunia." Ayat pembuka bagi pengenalan laman tersebut [29] mengumumkan bahawa "Pembekal organ (definisi kamus: "organ lembut dalaman ...termasuk otak, peparu, jantung dan sebagainya") boleh didapati sekarang juga!" Dalam halaman yang lain [30] laman yang sama ialah kenyataan ini: "...bilangan bagi pembedahan pemindahan organ buah pinggang adalah sekurang-kurangnya 5,000 setiap tahun di seluruh negeri. Begitu banyak pembedahan pemindahan organ adalah disebabkan sokongan daripada kerajaan China. Mahkamah Tinggi Rakyat Undang-undang Tinggi Rakyat – pegawai, polis, perundangan, jabatan kesihatan dan jabatan perkhidmatan awam telah menggubal satu undang-undang bersama untuk memastikan pendermaan organ adalah disokong oleh kerajaan. Ini adalah unik di dunia."

Dalam sesi 'soal dan jawab' dalam laman tersebut boleh didapati bahawa:

"Sebelum pemindahan buah pinggang hidup, kami akan memastikan fungsi renal penderma...Jadi ini adalah lebih selamat berbanding dengan negara yang lain, yang organnya adalah bukan daripada penderma yang hidup." [31]


"Q: Apakah organ bagi pankreas dipindahkan daripada pesakit mati otak (sic) (mati) ?"

"A: Organ kami bukan datang daripada pesakit mati otak kerana keadaan bagi organ itu adalah tidak berapa bagus." [32]

(2) Laman Web Pusat Pemindahan Organ Oriental
(<http://www.ootc.net>)
(Bandar Tianjin)

Dalam satu halaman yang diberitahukan kepada kami telah bertukar pada pertengahan April (namun masih boleh dilihat sebagai suatu arkib [25]) mendakwa bahawa daripada "Januari 2005 hingga sekarang, kami telah melakukan 647 pemindahan hati - 12 daripada mereka dilakukan pada minggu ini; purata bagi masa penungguan ialah 2 minggu." Satu carta juga dialihkan pada masa yang hampir sama (namun masih terdapat dalam arkib [33]) dengan jelasnya menunjukkan

bahawa daripada permulaan pada 1998 (apabila hanya melakukan 9 pemindahan hati) sehingga 2005 pusat tersebut telah menyempurnakan 2248 pemindahan [34] .



截至目前我们共完成肝移植手术**2248**例
去年术后患者一年平均生存率达**97%**

2,248


Secara perbandingannya, berdasarkan Pendaftar Penukaran Organ Kanada [27], jumlah di Kanada bagi semua jenis pemindahan organ pada 2004 ialah 1773.

(3) Laman Web Pusat Pemindahan Hospital Universiti Jiaotang
(<http://www.firsthospital.cn/hospital/index.asp>)
(Shanghai)

Dalam suatu pengumuman pada 26 April 2006 [35], laman web sohu mengandungi bahagian sebegini: "Kes bagi pemindahan hati (di sini) adalah tujuh kes pada 2001, 53 kes pada 2002, 105 kes pada 2003, 144 kes pada 2004, 147 kes pada 2005 dan 17 kes di Januari 2006,".

(4) Laman Web bagi Pusat Pemindahan Organ di Hospital Changzheng, yang digabungkan dengan Universiti Perubatan Ketenteraan No. 2
(<http://www.transorgan.com/>)
(Shanghai)

Satu halaman telah dialihkan selepas 9 Mac 2006. (terdapat dalam halaman dalam arkib internet [36].) Halaman tersebut mengandungi graf berikut yang menggambarkan bilangan pemindahan hati setiap tahun oleh pusat ini:



我院器官移植研究所历年肝移植例数

Dalam borang "Pemohonan Pemindehan Hati" [37], dinyatakan di atas, seperti berikut, "...pada masa sekarang, bagi pemindahan hati, yuran pembedahan bersama-sama dengan perbelanjaan penghospitalan adalah kira-kira 200,000 yuan (\$66,667 CND), dan purata bagi masa penungguan bagi bekalan hati bagi semua pesakit di hospital kami ialah satu minggu...."

14) Temu Ramah dengan Mangsa-mangsa

Kami menjalankan sejumlah temu ramah dengan mangsa-mangsa penindasan Falun Gong di China yang sekarang menetap di Kanada. Temuramah-temuramah ini mendedahkan aktiviti oleh pihak berkuasa, yang tidak konklusif jika diasingkan, dalam konteks dengan semua yang kami pertimbangkan, adalah menyokong dan konsisten dengan dakwaan-dakwaan yang dibuat.

(1) Ms. Yuzhi Wang, Vancouver

Seorang daripada kami bertemu dengan Ms. Wang di Toronto pada 27 Mei di sebuah lokasi di University of Toronto dan telah mendengar sejarah peribadinya yang amat mencemaskan. Disebabkan Ms. Wang menjadi seorang pengamal Falun Gong dan secara tiba-tiba menjadi "musuh rakyat" hanya selepas pertengahan 1999, kebanyakan masanya antara tahun 2000 sehingga akhir tahun 2001 dihabiskan di kem buruh, dengan 20 hingga 50 orang dihimpitkan di dalam sebuah penjara yang luasnya kira-kira 15 meter persegi. Sehingga akhir 2001, dia yang enggan melepaskan kepercayaannya sudah dekat dengan kematian kerana dikenakan dengan pelbagai bentuk penyiksaan bagi suatu jangka masa yang panjang. Dia kemudiannya dihantar ke hospital bagi "rawatan", "rawatan" tersebut termasuklah penyusunan makanan secara paksa kepadanya selepas dia memulakan mogok lapar dalam penuh kehampaan, dan dia dipukul dengan banyak kali oleh pegganas daripada Pejabat 610.

Di Harbin, Wang telah diperiksa dengan teliti di beberapa buah hospital, dan doktor yang memeriksanya menunjukkan bahawa dia telah mengalami kerosakan organ.

Selepas itu, apabila dia dengan tidak sengajanya mendengar seorang doktor bercakap bahawa dia tidak akan lagi sembuh, pegawai-pegawai Pejabat 610 "secara tiba-tibanya hilang minat terhadap saya, dan saya (pada akhirnya) dapat melepaskan diri daripada hospital." Pada ketika kesihatannya semakin pulih, dia menemui satu cara untuk ditempatkan ke sebuah negara di Timur Tengah, namun begitu agen-agen 610 masih cuba untuk menculiknya di sana kerana dia mengkritikkan rejim Jiang di hadapan pelancong-pelancong yang melawat di sana daripada China. Wang memberi banyak penghargaan kepada pegawai-pegawai imigresen Kanada kerana melibatkan diri dan membolehkannya datang ke Kanada sebagai seorang pelarian. Dia amat percaya bahawa dia hanya dapat terus hidup kerana penangkapnya di Harbin menyimpulkan bahawa mereka tidak memperoleh keuntungan dengan menjual organnya dan mereka beranggapan bahawa ini adalah dirosakkan oleh "layanannya" mereka.

(2) Mr. Xiaohua Wang, Montreal

Dalam pertemuan dengan Mr. Wang pada 27 Mei, dia memberikan kenyataan yang terperinci bagi tempoh penyeksaannya oleh pegawai-pegawai (PKC) semasa 2001 dan 2002. Polis menahannya di sebuah institut reka cipta di bandar Kunming, tempat dia bekerja sebagai seorang jurutera, menggeledah rumahnya, mencuri komputernya, dan memasukkannya ke dalam penjara. Isteri dan anaknya yang berumur dua tahun hanya dapat menjerit terhadap kenderaan polis yang beredar. Di penjara, dia dipukul sehingga tidak sedar diri oleh banduan yang dipenjarakan dalam tempoh yang lama di bawah arahan daripada pengawal penjara, yang ucapan tetapnya ialah, "Memukul ialah satu-satunya cara untuk melayan (Falun Gong)".

Wang setelah itu dipindahkan ke "pusat cuci otak" setempat. Semasa dibebaskan, dia melarikan diri ke suatu kawasan yang jauh tanpa keluarganya, di mana dia dapat berkerja sehingga dia sekali lagi ditahan sebagai seorang daripada "penjenayah yang paling dikehendaki" bagi Pejabat 610. Dia kemudiannya dimasukkan ke dalam kem buruh paksa Yunnan No. 2, tempat yang menghasilkan permata dan kristal tiruan untuk dieksport dengan menggunakan kromium oksida (chromium oxide) dalam proses penghasilan. Disebabkan dia enggan melepaskan kepercayaannya terhadap Falun Gong, Wang ditahan di sana selama dekat dua tahun. Rambutnya menjadi beruban kerana pendedahan secara berterusan kepada bahan kimia dan 16 jam kerja sehari.

Pada Januari 2002, hospital setempat melakukan suatu pemeriksaan fizikal yang komprehensif terhadap setiap tahanan Falun Gong, termasuk elektrokardiogram, x-ray seluruh badan, hati, darah dan ujian buah pinggang. Terlebih dahulu, dia diberitahu oleh polis: "Parti Komunis sangat megambil berat tentang kamu. Mereka mahu mengubah Falun Gong tidak kira kosnya."

Dengan tidak mengetahui tujuan sebenar bagi pemeriksaan pada masa itu, dia bekerjasama. Secara ajaibnya, dia berupaya untuk meninggalkan China dan sampai ke Kanada pada awal 2005. Dia juga memuji pihak pegawai imigresen Kanada membantu dia dan keluarganya meninggalkan China dengan cepat.

(3) Ms. Na Gan, Toronto

Ms Gan bekerja sebagai pegawai kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing selama 11 tahun sehingga pertengahan Julai 1999, semasa dia dan lima orang pengamal Falun Gong yang lain cuba melaksanakan hak yang diperuntukkan dalam perlembagaan kepada setiap warga rakyat untuk mengemukakan surat rayuan di suatu lokasi yang tertentu berdekatan dengan ibu pejabat PKC di pusat bandar Beijing. Polis memukul mereka dan mengheret mereka semua ke dalam bas yang menunggu di sana. Selepas itu, dia dipenjarakan sebanyak lima kali kerana dia enggan melepaskan kepercayaan terhadap Falun Gong. Apabila seorang psikiatri memeriksanya dalam sebuah hospital dan mengesahkan bahawa dia adalah sihat daripada segi mental, polis masih memasukkannya ke dalam bilik yang dikunci dengan pesakit-pesakit mental yang menjerit selama lapan hari. Selepas itu apabila dia membentengkan satu sepanduk di Lapangan Tiananmen, yang bertemakan "Sejati, Baik, Sabar", dia ditendang oleh polis. Semasa dalam penjara, dia dipukul oleh banduan-banduan yang lain di bawah arahan pegawai-pegawai di sana, dan dipaksa untuk berdiri selama berjam-jam lamanya dalam salji tanpa baju tebal.

Pada Mac 2000, insiden sepanduk tersebut menyebabkannya menerima hukuman tahanan rumah selama setahun, disingkirkan daripada Parti Komunis, dan dihentikan pemberian gajinya. Pada akhir tahun, dia dimasukkan sekali lagi ke dalam penjara yang dipenuhi dengan kebanyakan pengamal Falun Gong. Apabila dia enggan membaca secara lantang sebuah artikel yang menfitnah Falun Gong, seorang polis menendang kepalanya secara berulang-ulang. Dia seterusnya dipindahkan ke dalam kem buruh wanita Beijing, yang di sana layanan yang diberikan adalah sangat teruk sekali sehingga dia pada akhirnya menandatangani suatu sumpahan untuk melepaskan kepercayaan Falun Gong. Dia berupaya untuk meninggalkan China dan sampai ke Kanada sebagai seorang penghijrah kerana takut akan penindasan dan penyiksaan, pada Mei 2004 tetapi tanpa bersama dengan suami dan anak perempuannya.

Pemerhatian Gan berhubung dengan pengambilan organ adalah mungkin tidak konklusif. Beberapa orang tahanan Falun Gong yang bersama dengannya dalam tahanan di Beijing (sesetengah penjara memenjarakan sebanyak 30 orang wanita), hanya dikenali dengan empat digit nombor sahaja. Pada suatu malam, dia telah dikejutkan oleh bunyi bising, dan hanya mendapati pada pagi selepas itu bahawa beberapa orang rakan dalam penjaranya telah diheretkan daripada penjara dan tidak akan kembali lagi. Seseorang tidak boleh dengan adilnya membuat kesimpulan terhadap kemungkinan yang paling buruk dengan tidak mengetahui dengan lebih banyak lagi. Bagi lima bulan dalam pertengahan 2001, dia adalah sebahagian daripada pasukan buruh paksa yang terdiri daripada 130 banduan yang kebanyakannya adalah pengamal wanita Falun Gong. Hanya ahli Falun Gong dalam kumpulannya yang dihantar oleh pegawai tentera ke hospital polis yang berdekatan bagi ujian darah, ujian urin, x-ray, dan pemeriksaan mata. Perhatian perubatan ini baginya pada masa itu adalah tidak sejajar langsung dengan apa yang dialaminya dalam kem tersebut. Hanya selepas itu dia mengetahui bahawa pengambilan organ yang berlaku di seluruh China.

15) Pencabulan hak asasi manusia am

Falun Gong bukan satu-satunya mangsa pencabulan hak asasi manusia di China. Tidak dapat disangkal bahawa organ banduan mati adalah diambil selepas hukuman mati. Selain daripada Falun Gong, sasaran utama bagi pencabulan hak asasi manusia ialah orang Tibet, penganut Kristian, orang Uighurs, aktivis demokrasi dan pembela hak asasi manusia. Peraturan-peraturan bagi mekanisme undang-undang yang sesuai untuk mencegah pencabulan hak asasi manusia, seperti perundangan yang berdikari, akses kepada peguam pembela semasa dalam penahanan, habeas corpus, hak untuk perbicaraan umum, dengan jelasnya adalah tidak terdapat di China. China, berdasarkan kepada perlembagaannya, adalah diperintah oleh Parti Komunis, dan bukannya diperintah oleh sistem perundangan. Bentuk keseluruhan bagi pencabulan hak asasi manusia ini, seperti banyak faktor yang lain, tidak membuktikan dakwaan tersebut dengan sendirinya, tetapi menyingkirkan elemen penyangkalan. Adalah tidak mungkin untuk berkata bahawa dakwaan tersebut adalah tidak seiringan dengan bentuk keseluruhan bagi hak asasi manusia di China. Manakala dakwaan tersebut, secara sendirinya, adalah amat menggemparkan, dan berbanding dengan negara lain, dalam negara China sendiri yang mempunyai rekod hak asasi manusia yang sedemikian, adalah tidak begitulah menggemparkan.

16) Pertimbangan kewangan

Di China, pemindahan organ ialah suatu perdagangan yang amat menguntungkan. Kami dapat menjejaki wang daripada orang yang membayar untuk pemindahan organ kepada hospital tertentu yang melakukan pemindahan organ, namun kami tidak dapat berbuat apa-apa lebih daripada itu. Kami tidak tahu wang yang diperolehi oleh hospital akan dijatuhkan ke tangan siapa. Adakah doktor dan jururawat yang terlibat dalam jenayah pengambilan organ dibayar dengan jumlah yang tinggi bagi jenayah mereka? Itu adalah merupakan suatu soalan yang mustahil bagi kami untuk menjawab, kerana kami tidak mempunyai cara untuk mengetahui ke mana wang tersebut pergi.

Laman web Pusat Bantuan Jaringan Pemindahan Organ Antarabangsa China
(<http://en.zoukiishoku.com/>)

(bandar Shenyang)

Sebelum dialihkan daripada laman [38] pada April 2006, berapa banyak keuntungan yang diperolehi daripada pemindahan organ adalah boleh didapati daripada senarai harga berikut:

Buah pinggang US\$62,000

Hati US\$98,000-130,000

Hati dan buah pinggang US\$160,000-180,000

Buah pinggang dan pankreas US\$150,000

Peparu US\$150,000-170,000

Jantung US\$130,000-160,000

Kornea US\$30,000

Suatu cara yang standard bagi menyiasat sebarang dakwaan jenayah ke mana perginya wang ditukar tangan adalah dengan menjejaki aliran wang. Namun bagi China, polisi tutupnya bermaksud penjejakan wang tersebut adalah mustahil. Tidak

mengetahui ke mananya wang tersebut pergi tidak dapat membuktikan apa-apa. Tetapi juga tidak menyangkalkan apa-apa, termasuk dakwaan-dakwaan tersebut.

17) Rasuah

Rasuah ialah suatu masalah yang utama di seluruh China. Institusi negara kadangkala adalah dijalankan demi kepentingan bagi mereka yang berkuasa, berbanding dengan kepentingan bagi rakyat jelata.

Hospital-hospital ketenteraan di seluruh negeri adalah beroperasi secara berdikari daripada Kementerian Kesihatan dan, sementara itu, angka bagi pemindahan organ mereka adalah sulit, kami memahami bahawa angka tersebut adalah besar. Perdagangan haram terhadap organ penting Falun Gong adalah konsisten dengan banyak aktiviti komersial yang lain, dalam bahagian dalam ketenteraan China, khususnya dalam tahun-tahun sehingga 2004 semasa Jiang masih merupakan pengerusi bagi Suruhanjaya Ketenteraan.

Rasuah yang berleluasa bagi institusi rasmi China membangkitkan persoalan, sekiranya pengambilan organ daripada Falun Gong bagi pemindahan organ itu wujud, berlaku sama ada daripada polisi rasmi ataupun daripada tindakan hospital individu yang mengambil kesempatan terhadap populasi tawanan Falun Gong dalam kawasan mereka. Polisi penindasan terhadap Falun Gong bermaksud mereka itu dipenjarakan tanpa sebarang hak dan dibiarkan kepada pihak berkuasa yang rasuah untuk bertindak. Hasutan bagi menghasilkan dendam kesumat terhadap Falun Gong dan kehilangan kemanusiaan mereka bermaksud mereka boleh dibandai dan dibunuh tanpa sebarang rasa ragu-ragu oleh pegawai yang mempercayai propaganda dendam kesumat tersebut.

Sekiranya pengambilan organ terhadap Falun Gong adalah wujud, persoalan sama ada pengambilan organ tersebut adalah daripada polisi rasmi ataupun daripada rasuah yang tidak rasmi, adalah susah bagi kami untuk memastikan secara mutlak. Pegawai-pegawai China, pada teorinya adalah mengendalikan negara, kadang-kala adalah susah untuk mengenal pasti sama ada rasuah itu wujud, apatah lagi hendak mencegah daripadanya untuk berlaku. Bagi kami, sebagai pihak luar, adalah mudah untuk membuat kesimpulan terhadap keputusannya, sama ada pengambilan organ tersebut adalah wujud ataupun tidak, dan mengenal pasti sama ada perlakuan ini wujud ataupun tidak, jika wujud, sama ada akibat daripada polisi ataupun rasuah.

18) Perundangan

Pada Mac China menggubal undang-undang yang mulai berkuatkuasa pada 1 Julai bagi mengharamkan penjualan organ manusia dan memerlukan penderma untuk memberikan kebenaran bertulis bagi organ mereka untuk dibuat pemindahan. Perundangan itu ditemakan sebagai "peraturan sementara". Peraturan tersebut dilanjutkan lagi dengan pembedahan pemindahan organ dihadkan kepada institusi yang tertentu sahaja. Institusi-institusi tersebut hendaklah mengenal pasti bahawa organ-organ adalah datang daripada sumber yang sah. Jawatankuasa etika hospital pemindahan organ terlebih dahulu hendaklah meluluskan semua pemindahan organ.

Perundangan ini adalah dialu-alukan. Namun begitu, penggubalannya menunjukkan dengan jelas fakta bahawa tiada perundangan yang sebegini pada masa sekarang, tiada perundangan yang berkenaan dengan pemindahan organ. Ketiadaan perundangan ini, sekali lagi, walaupun tidak membuktikan dakwaan, namun menyingkirkan kemungkinan bagi elemen penyangkalan. Ketiadaan bagi sebarang sekatan undang-undang dalam pemindahan organ di China menyebabkan dakwaan-dakwaan yang difokuskan oleh laporan ini adalah lebih mudah untuk diterima.

Sehingga 1 Julai, undang-undang China masih membenarkan pembelian dan penjualan organ. Undang-undang China tidak memerlukan penderma untuk memberikan kebenaran bertulis bagi organ mereka untuk dibuat pemindahan. Tiada sekatan yang dikenakan kepada institusi yang terlibat dalam pengambilan organ atau pemindahan organ. Sehingga 1 Julai, adalah tidak perlu bagi institusi yang terlibat dalam pemindahan organ untuk mengenal pasti bahawa organ yang dibuat pemindahan adalah datang daripada sumber yang sah. Tiada kewajiban untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada jawatankuasa etika bagi semua pemindahan. Juga, fakta bahawa perundangan dikuatkuasakan pada 1 Julai tidak bermaksud masalah tersebut, jika wujud, akan berhenti sejak tarikh tersebut. Di China, wujudnya jurang yang besar antara penggubalan perundangan dengan perlaksanaannya.

Mengambil suatu contoh yang jelas, Perlembagaan China 1982 menetapkan bahawa rakyat China akan mengubah China kepada sebuah negara yang memiliki demokrasi pada tahap tinggi. Kita sekarang adalah 24 tahun daripada penggubalan bagi komitmen demokrasi tersebut. Namun begitu, China masih jauh daripada demokrasi.

Dengan hanya fakta bahawa China sekarang mempunyai perundangan bagi pemindahan organ tidak bermaksud, dalam sendirinya, bahawa perundangan tersebut dilaksanakan. Pada hakikatnya, disebabkan rekod keseluruhan China dalam melaksanakan perundangan baru, perlakuan lama bagi pemindahan organ, tidak kira bagaimana keadaannya, sekurang-kurangnya akan diteruskan di beberapa tempat di China, untuk tempoh yang agak lama.

G. Kebolehpercayaan

Kami menyimpulkan bahawa pengesahan lisan dalam transkrip bagi temu ramah bagi penyiasat-penyiasat boleh dipercayai. Tiada rasa ragu-ragu dalam minda kami, temuramah-temuramah tersebut memang dengan orang yang ditemuramah pada masa dan tempat yang disebutkan dan juga transkrip tersebut adalah secara tepatnya menggambarkan apa yang diperkatakan.

Malahan, isi kandungan bagi apa yang diperkatakan secara sendirinya boleh dipercayai. Salah satu sebabnya, apabila dipertimbangkan reaksi gempar masyarakat antarabangsa terhadap dakwaan pengambilan organ semasa Sukan Olimpik Beijing 2008 semakin mendekati, pengesahan yang dibuat oleh pelbagai institusi adalah bertentangan dengan kepentingan reputasi bagi Kerajaan China dalam percubaan untuk menyakinkan masyarakat antarabangsa bahawa pembunuhan terhadap tahanan Falun Gong secara berleluasa bagi mendapatkan organ penting mereka itu adalah tidak wujud.

Pengesahan keterangan daripada isteri pakar bedah yang didakwa terlibat dalam pengambilan organ Falun Gong adalah boleh bagi kami untuk mempercayainya, sebahagiannya adalah kerana keterangan tersebut adalah amat terperinci. Walau bagaimanapun, maklumat terperinci tersebut juga membawa suatu masalah kepada kami, kerana memberikan sejumlah besar maklumat yang tidak mungkin untuk dibuktikan secara berdikari. Kami tidak mahu bertapakkan penemuan kami dengan hanya berdasarkan satu sumber maklumat. Maka, pada akhirnya, kami hanya menggunakan keterangan daripada saksi ini apabila dapat dibuktikan dan konsisten dengan bahan-bahan bukti yang lain, dan bukan menjadikannya sebagai satu-satunya sumber maklumat.

Dalam proses kerja kami, kami menemui sebilangan orang yang bersikap curiga terhadap dakwaan-dakwaan tersebut. Terdapat beberapa sebab bagi kecurigaan ini. Kecurigaan ini mengingatkan kita kenyataan oleh Hakim Mahkamah Tertinggi Amerika Syarikat, Felix Frankfurter pada 1943, kepada seorang diplomat Polish, sebagai reaksi apabila diberitahukan oleh Jan Karski tentang pembunuhan beramai-ramai oleh tentera Nazi. Frankfurter berkata:

"Saya tidak berkata bahawa orang muda ini bercakap bohong. Saya berkata bahawa saya tidak dapat mempercayai apa yang diberitahukannya kepada saya. Terdapat perbezaannya."

Dakwaan-dakwaan di sini adalah amat mengejutkan kerana adalah hampir mustahil untuk mempercayainya. Dakwaan-dakwaan tersebut, jika benar, akan merupakan kejahatan yang hodoh yang belum pernah ada dalam planet kita, walaupun manusia telah melihat pelbagai kerosakan akhlak. Ketakutan yang amat membuatkan kita berundur dalam rasa tidak percaya. Namun rasa tidak percaya tidak bermaksud bahawa dakwaan-dakwaan tersebut adalah tidak benar.

H. Penyiasatan Lanjut

Jelasnya, laporan ini bukanlah pengakhir kepada penyiasatan ini. Sekiranya terdapat peluang, kami masih mempunyai banyak perkara yang ingin dilakukan, sebelum menyempurnakan laporan ini. Namun jalan-jalan bagi penyiasatan masih belum lagi terbuka kepada kami. Kami mengalu-alukan sebarang komen terhadap isi kandungan laporan ini atau sebarang maklumat tambahan individu atau kerajaan yang rela untuk memberikannya.

Kami ingin melihat rekod-rekod pemindahan organ bagi hospital China. Ada sebarang fail bagi penderma yang setuju untuk menderma? Ada sebarang rekod bagi sumber organ?

Penderma dapat terus hidup dalam banyak bentuk pembedahan pemindahan organ. Tiada sesiapa yang dapat terus hidup bagi pendermaan hati dan jantung. Namun, pendermaan buah pinggang biasanya adalah tidak membawa maut. Di manakah penderma yang terus hidup tersebut? Kami ingin melakukan suatu kajian sampel

pendermaan secara rawak untuk melihat sama ada kami dapat mencari penderma-penderma tersebut ataupun tidak.

Ahli keluarga bagi penderma yang mati sepatutnya mengetahui akan persetujuan daripada penderma tersebut, ataupun secara alternatifnya, ahli keluarga telahpun memberikan persetujuan mereka. Di sini juga, kami ingin melakukan kajian sampel secara rawak terhadap ahli keluarga dekat bagi penderma yang mati untuk melihat sama ada ahli keluarga tersebut memberikan persetujuan terhadap pendermaan tersebut ataupun mengetahui perihal tentang persetujuan daripada penderma.

China telah melakukan pengembangan terhadap kemudahan-kemudahan pemindahan organ tahun belakangan ini. Pengembangan ini sepatutnya disusuli dengan kajian kebolehlaksanaan yang menunjukkan sumber organ. Kami ingin melihat laporan bagi kajian kebolehlaksanaan ini.

Secara idealnya, kami ingin menjalankan kajian yang lebih lanjut sebelum kami sampai kepada sebarang kesimpulan. Namun kajian yang lebih lanjut memerlukan pembentukan kesimpulan sementara. Sekiranya kami dapat memutuskan bahawa dakwaan adalah tidak benar pada masa sekarang, maka kami akan menyimpulkan bahawa kajian tambahan adalah tiada gunanya.

I. Kesimpulan

Berdasarkan kepada apa yang kami tahu sekarang, kami telah sampai kepada kesimpulan yang dikesali bahawa dakwaan-dakwaan tersebut adalah benar. Kami mempercayai bahawa telahpun wujudnya pengambilan organ secara paksa daripada pengamal-pengamal Falun Gong dalam skala yang besar dan masih berterusan pada hari ini. Kami telah menyimpulkan bahawa kerajaan China dan agensi-agensinya dalam banyak bahagian di seluruh negeri, khususnya hospital juga pusat tahanan dan "mahkamah rakyat", sejak dari 1999 telah menyebabkan kematian sejumlah besar yang bilangannya tidak diketahui atas banduan Falun Gong yang mempunyai hati nurani. Organ-organ penting mereka, termasuk jantung, buah pinggang, hati dan kornea, hampir-hampir diambil secara paksa pada masa yang sama bagi penjualan dengan harga tinggi, kadang-kala dijual kepada orang asing, yang menghadapi masa penungguan yang lama daripada penderma organ yang rela dalam negara mereka sendiri.

Berapa banyak mangsa yang disabitkan dengan sebarang kesalahan, (tidak kira kesalahan berat atau ringan), di mahkamah mengikut prosedur perundangan, kami tidak dapat menganggarkannya kerana maklumat sebegini adalah tidak boleh didapati bagi kedua-dua orang China sendiri dan orang asing. Pada pandangan kami, banyak orang daripada sebuah organisasi yang bersifat aman, hanya kerana dijadikan sebagai tidak sah pada tujuh tahun yang lalu oleh Presiden Jiang kerana dia beranggapan bahawa organisasi tersebut boleh menggugat kekuasaan pemerintahan Parti Komunis China, maka diambil organnya oleh pengamal perubahan.

Kesimpulan kami datang bukannya daripada satu bahan bukti sahaja, tetapi adalah menggabungkan kesemua bahan bukti yang kami pertimbangkan. Setiap satu

bahagian, dalam sendirinya, boleh disahkan, dan dalam kebanyakan kes, tidak dapat dipertikaikan. Sekiranya diletakkan bersama, mereka membentuk suatu gambaran yang jahil. Kombinasi inilah yang menyakinkan kami.

J. Cadangan

1) Tanpa bicara, pengambilan organ daripada pengamal-pengamal Falun Gong secara paksa, sekiranya berlaku, seperti yang dipercayai kami, haruslah dihentikan.

2) Pengambilan organ secara paksa, sama ada secara bersisematik atau berleluasa ialah suatu jenayah kemanusiaan. Dengan keadaan sumber dan maklumat yang ada, kami tidak dibekalkan dengan syarat-syarat untuk menjalankan penyiasatan jenayah. Pihak berkuasa jenayah di China perlu menyiasat dakwaan tersebut bagi urusan pendakwarayaan yang mungkin.

3) Organisasi hak asasi manusia kerajaan, bukan kerajaan dan inter-kerajaan dengan keupayaan penyiasatan yang lebih baik daripada kami perlulah melihat dakwaan-dakwaan tersebut dengan serius dan membuat keputusan mereka sama ada dakwaan tersebut adalah benar ataupun tidak.

4) Artikel 3 dalam "Protokol Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk Mencegah, Menentang dan Mendenda Perdagangan Haram" melarang pengambilan organ (dan perlakuan yang lain). Kerajaan-kerajaan pelbagai negara perlu meminta agensi PBB yang relevan (kami mencadangkan Jawatankuasa PBB Menentang Penderaan dan Penyiasat Khusus PBB bagi Penderaan), untuk menyiasat sama ada kerajaan China terlibat atau sedang terlibat, dalam pencabulan terhadap sebarang akta dalam Artikel 3. Jika terdapat, maka perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mencari jalan pemulihan dengan segera.

5) Melainkan undang-undang China bagi pemindahan organ dilaksanakan secara efektif, kerajaan asing perlu untuk tidak mengisukan visa kepada doktor daripada China yang ingin keluar ke luar negara bagi tujuan latihan pemindahan organ. Sesiapa doktor di China yang dikenal pasti terlibat dalam perdagangan haram dalam organ banduan perlu dilarang selama-lamanya oleh semua negara asing bagi kemasukannya.

6) Semua negara perlu memperkuatkan undang-undang mereka dalam menentang jenayah perdagangan organ secara haram. Undang-undang perlu mengkehendaki doktor untuk melaporkan kepada pihak berkuasa dalam negara mereka bagi sebarang bahan bukti yang menunjukkan bahawa seseorang pesakit yang memperoleh organ yang haram di luar negara, termasuk daripada banduan di luar negara.

7) Semua negara perlu mencegah dan, sekurang-kurangnya, tidak menggalakkan rakyat mereka daripada melakukan pemindahan organ di China sehingga undang-undang China tentang pemindahan organ dilaksanakan secara kukuh. Pelbagai negara perlu, jika perlu, menolak atau menarik balik pasport bagi mereka yang mengunjung China bagi tujuan pemindahan organ.

8) Sehingga masyarakat antarabangsa berpuas hati dengan undang-undang baru China tentang pemindahan organ adalah dilaksanakan dengan efektif, agensi-agensi kewangan asing, organisasi perubatan dan pakar kesihatan individu harus tidak menyertai sebarang kajian atau mesyuarat pemindahan organ yang ditaja oleh kerajaan China. Syarikat-syarikat asing yang sekarang membekalkan peralatan dan perkhidmatan kepada program pemindahan organ harus berhenti membekalkannya dengan segera sehingga kerajaan China dapat menunjukkan pelaksanaan undang-undang pemindahan organ mereka adalah efektif.

9) Bentuk dialog sekarang antara Kanada dengan China terhadap hak asasi manusia harus diberhentikan. Sainis bagi sains politik Kanada dan bekas diplomat Charles Burton baru-baru ini mengakui dialog tersebut sebagai suatu kepura-puraan. Di sebalik tabir, kerajaan Kanada telah melakukan kesalahan dengan bersetuju dengan pesta cakap untuk pertukaran bagi Kanada tidak akan lagi menaja usul tahunan yang mengkritik kerajaan China dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

10) Penindasan, pemenjaraan, dan layanan teruk terhadap pengamal-pengamal Falun Gong mesti dihentikan dengan segera.

11) Semua kemudahan bagi penahanan, termasuk kem buruh paksa, mesti dibuka bagi pemeriksaan masyarakat antarabangsa melalui Jawatankuasa Antarabangsa bagi Palang Merah atau, organisasi hak asasi manusia atau kemanusiaan.

12) Hospital-hospital China perlu menyimpan rekod bagi sumber setiap pemindahan organ. Rekod-rekod ini harus boleh diberikan kepada pegawai-pegawai hak asasi manusia antarabangsa untuk diperiksa.

13) Setiap penderma organ perlu memberikan kebenaran bertulis terhadap pendermaan. Kebenaran-kebenaran ini harus boleh diberikan kepada pegawai hak asasi manusia untuk diperiksa.

14) China dan setiap negara yang lain yang sekarang menyertai Konvensyen Menentang Penderaan, termasuk Kanada, perlu bersetuju terhadap Protokol Pilihan kepada Konvensyen Menentang Penderaan.

15) Setiap pemindahan organ, bagi kedua-dua pendermaan dan penerimaan, perlu mempunyai kebenaran rasmi daripada sebuah agensi penyeliaan kerajaan sebelum pemindahan organ dilakukan.

16) Pengambilan organ daripada banduan mati harus dihentikan dengan serta-merta.

17) Komersialisasi bagi pemindahan organ harus dihentikan. Pemindahan organ tidak sepatutnya dijual beli.

K. Komentaar

Menerima cadangan pertama adalah bermaksud menerima bahawa dakwaan-dakwaan tersebut adalah benar. Semua cadangan yang lain yang kami buat tidak semestinya memerlukan penerimaan dakwaan-dakwaan tersebut sebagai benar. Kami mencadangkan penerimaan cadangan-cadangan tersebut dalam sebarang keadaan.

Menerima tiga cadangan yang berikutnya adalah bermaksud mengakui sekurang-kurangnya kebolehpercayaan terhadap dakwaan-dakwaan tersebut. Tiga cadangan yang berikutnya tidak memerlukan penerimaan dakwaan-dakwaan tersebut sebagai benar; namun tiga cadangan tersebut adalah wajar hanya jika cadangan tersebut mempunyai kemungkinan yang relevan bagi dakwaan untuk menjadi benar.

Cadangan-cadangan yang lain adalah wajar dan boleh dilaksanakan tidak kira dakwaan-dakwaan tersebut adalah benar ataupun tidak. Lima cadangan yang berikutnya adalah ditujukan kepada masyarakat antarabangsa, meminta masyarakat antarabangsa untuk menyeru kepada China bagi menghormati standard antarabangsa bagi pemindahan organ.

Kami amat memahami bahawa kerajaan China menafikan dakwaan-dakwaan tersebut. Kami mencadangkan bahawa cara yang paling menyakinkan dan paling berkesan bagi kerajaan China untuk menyatakan penafian adalah dengan melaksanakan kesemua cadangan yang tinggal dalam laporan ini selepas lapan cadangan yang pertama. Sekiranya cadangan-cadangan yang tinggal tersebut dilaksanakan, dakwaan-dakwaan yang dipertimbangkan di sini tidak lagi sah.


Bagi mereka yang syak dengan dakwaan-dakwaan tersebut, kami meminta anda untuk menanya anda sendiri apa yang anda ingin bercadang untuk menghalang, dalam sebarang keadaan, dakwaan-dakwaan sedemikian daripada menjadi benar. Aktiviti (jenayah) yang diperkatakan dalam dakwaan, adalah hampir tiada langkah pencegahan di China. Sehingga perundangan yang baru-baru ini diperkenalkan, banyak langkah pencegahan untuk mencegah penyalahgunaan seperti yang didakwa adalah tidak wujud. Perundangan tersebut tidak berbuat apa-apa melainkan dan sehingga dilaksanakan secara komprehensif.

Setiap negara, dan bukan hanya China, adalah perlu untuk mendirikan pertahanannya bagi mencegah pengambilan organ daripada pihak yang tidak rela, pihak yang disisirkan dan pihak yang tanpa bantuan dalam masyarakat. Tidak kira apa yang difikirkan oleh seseorang itu, kami menegaskan sekali lagi kami percaya dakwaan-dakwaan tersebut adalah benar, China secara jelasnya adalah tiada sistem pencegahan bagi mencegah aktiviti-aktiviti sedemikian untuk berlaku.


Terdapat banyak sebab mengapa hukuman mati adalah salah. Bukan hanya sahaja terdapat banyak bilangan orang yang dihukum mati. Apabila kerajaan membunuh golongan yang tanpa sebarang pertahanan yang sudahpun dalam tahanan bagi

jenayah mereka, adalah terlalu mudah untuk mengambil langkah seterusnya, mengambil organ mereka tanpa persetujuan mereka. Tanpa ragu-ragu China telah mengambil langkah tersebut. Apabila kerajaan mengambil organ-organ daripada banduan mati tanpa persetujuan mereka, terdapat langkah yang lain yang menjadi terlalu mudah dan menggodakan untuk mengambil organ-organ bagi banduan lain yang dihina, dilucutkan hak kemanusiaannya dan banduan yang tanpa sebarang pertahanan, dengan tanpa persetujuan mereka, khususnya apabila keuntungan yang besar dapat diperoleh daripadanya. Kami menyeru kepada kerajaan China, tidak kira apa yang difikirkan mereka bagi dakwaan-dakwaan yang dipertimbangkan di sini, untuk membina pertahanan pencegahan mereka, bagi mencegah bahkan sedikit pun kemungkinan bagi pengambilan organ daripada pengamal-pengamal Falun Gong secara paksa.

Dengan segala hormatnya,



David Matas



David Kilgour

Ottawa 6 Julai 2006

Rujukan

- [1] Buku Professor Maria Hsia Chang, Falun Gong, diterbitkan oleh Universiti Yale, 2004
- [2] "Falun Gong and Canada's China policy". David Ownby, vol. 56, International Journal, Canadian Institute of International Affairs, Spring 2001.
- [3] <http://web.amnesty.org/library/Index/engASA170282001>
- [4] "Few Members of Large Sect to Face Trial, Beijing Says", The New York Times, Disember 2, 1999, http://www.cesnur.org/testi/falun_023.htm or "Failure admitted in crackdown", South China Morning Post, April 22, 2000 oleh Willy Wo-Lap Lam
- [5] Apendiks 6, (7 Jun 1999) "Comrade Jiang Zemin's speech at the meeting of the Political Bureau of CCCCPC regarding speeding up the dealing with and settling the problem of 'FALUN GONG'"
- [6] H. CON. RES. 188, CONCURRENT RESOLUTION, U.S <http://thomas.loc.gov/cgi-bin/query/z?c107:hc188>:

[7] U.S. Department of State 2005 Country Reports on Human Rights Practices – China, 8 Mac 2006. (<http://www.state.gov/g/drl/rls/hrrpt/2005/61605.htm>)

[8] U.N. Commission on Human Rights: Report of the Special Rapporteur on torture and other cruel, inhuman or degrading treatment or punishment, Manfred Nowak, on his Mission to China from 20 November to 2 Disember 2005 (E/CN.4/2006/6/Add.6), 10 Mac 2006. (<http://www.ohchr.org/english/bodies/chr/docs/62chr/ecn4-2006-6-Add6.doc>)

[9] *Washington Post Foreign Service*, “Torture Is Breaking Falun Gong: China Systematically Eradicating Group,” John Pomfret and Philip P. Pan, 5 Ogos 2001. (<http://www.washingtonpost.com/ac2/wpdyn?pagename=article&node=&contentId=A330552001Aug4>)

[10] <http://www.transplantation.org.cn/html/2006-04/467.html> Life weekly, 2006-04-07
Halaman
arkib:<http://archive.edoors.com/render.php?uri=http%3A%2F%2Fwww.transplantation.org.cn%2Fhtml%2F2006-04%2F467.html+%&x=26&y=11>

[11] <http://www.chinapharm.com.cn/html/xxhc/2002124105954.html> China Pharmacy Net, 2002-12-05
Halaman arkib:
<http://archive.edoors.com/content5.php?uri=http://www.chinapharm.com.cn/html/xxhc/2002124105954.html>

[12] http://www.chinadaily.com.cn/china/2006-05/05/content_582847.htm (2006-05-05, China Daily)
Halaman arkib inggeris:
http://archive.edoors.com/content5.php?uri=http://www.chinadaily.com.cn/china/2006-05/05/content_582847.htm

[13] “China to 'tidy up' trade in executed prisoners' organs,” The Times, 3 Disember 2005
<http://www.timesonline.co.uk/article/0,,25689-1901558,00.html>

[14] “Beijing Mulls New Law on Transplants of Deathrow Inmate Organs”,
<http://caijing.hexun.com/english/detail.aspx?issue=147&sl=2488&id=1430379>
Caijing Magazine/Issue:147, 28 November 2005

[15] Index of AI Annual reports: <http://www.amnesty.org/ailib/aireport/index.html>, daripada sini boleh memilih laporan tahunan bagi setiap tahun.

[16] <http://www.biotech.org.cn/news/news/show.php?id=864> (China Biotech Information Net, 2002-12-02)
<http://www.chinapharm.com.cn/html/xxhc/2002124105954.html> (China Pharmacy Net, 2002-12-05)
Halaman arkib:
<http://archive.edoors.com/content5.php?uri=http://www.chinapharm.com.cn/html/xxhc/2002124105954.html>
<http://www.people.com.cn/GB/14739/14740/21474/2766303.html> (People’s Daily, 2004-09-07, daripada Agensi Berita Xinhua)

[17] “The Number of Renal Transplant (Asia & the Middle and Near East) 1989-2000,”
Medical Net (Japan),
http://www.medi-net.or.jp/tcnet/DATA/renal_a.html

[18] <http://www.transplantation.org.cn/html/2006-03/394.html> (Health Paper
Net 2006-03-02)

Halaman arkib:

<http://archive.edoors.com/render.php?uri=http%3A%2F%2Fwww.transplantation.org.cn%2Fhtml%2F2006-03%2F394.html+%&x=32&y=11>

[19] “CURRENT SITUATION OF ORGAN DONATION IN CHINA FROM STIGMA TO STIGMATA”, Abstract, The World Transplant Congress,
<http://www.abstracts2view.com/wtc/>

Zhonghua K Chen, Fanjun Zeng, Changsheng Ming, Junjie Ma, Jipin Jiang. Institute of Organ Transplantation,

Tongji Hospital, Tongji Medical College, HUST, Wuhan, China.

http://www.abstracts2view.com/wtc/view.php?nu=WTC06L_1100&terms=

[20] <http://www.transplantation.org.cn/html/2006-03/400.html> , (Beijing Youth Daily, 2006-03-06)

[21] <http://unn.people.com.cn/GB/channel413/417/1100/1131/200010/17/1857.html>

(People’s Daily Net and Union News Net, 2000-10-17). Arkib di:

<http://archive.edoors.com/content5.php?uri=http://unn.people.com.cn/GB/channel413/417/1100/1131/200010/17/1857.html>

[22] Berdasarkan kepada Timbalan Menteri Kesihatan, Mr. Huang Jiefu,
<http://www.transplantation.org.cn/html/2006-04/467.html> (Lifeweekly, 2006-04-07). Arkib di:
<http://archive.edoors.com/render.php?uri=http%3A%2F%2Fwww.transplantation.org.cn%2Fhtml%2F2006-04%2F467.html+%&x=26&y=11>

[23] <http://en.zoukiishoku.com/list/qa2.htm>

Halaman arkib:

<http://archive.edoors.com/render.php?uri=http%3A%2F%2Fen.zoukiishoku.com%2Flist%2Fqa2.htm+%&x=19&y=11>

[24] <http://en.zoukiishoku.com/list/volunteer.htm> Arkib di:

<http://archive.edoors.com/render.php?uri=http%3A%2F%2Fen.zoukiishoku.com%2Flist%2Fvolunteer.htm+%&x=8&y=9>

[25] Halaman utama telah ditukar. Halaman arkib di:

http://archive.edoors.com/content5.php?uri=http://www.ootc.net/special_images/ootc1.png

[26] <http://www.transorgan.com/apply.asp> Arkib di:

<http://archive.edoors.com/render.php?uri=http%3A%2F%2Fwww.transorgan.com%2Fapply.asp+%&x=15&y=8>

[27] Canadian Organ Replacement Register, Canadian Institute for Health Information, (http://www.cihi.ca/cihiweb/en/downloads/CORR-CST2005_Gill-rev_July22_2005.ppt), July 2005

[28] Donor Matching System, The Organ Procurement and Transplantation Network (OPTN) <http://www.optn.org/about/transplantation/matchingProcess.asp>

[29] Halaman yang asal telah ditukar. Versi lama masih boleh didapati di Arkib Internet: <http://web.archive.org/web/20050305122521/http://en.zoukiishoku.com/>

[30] <http://en.zoukiishoku.com/list/facts.htm> atau guna versi arkib di: <http://archive.edoors.com/render.php?uri=http%3A%2F%2Fen.zoukiishoku.com%2Flist%2Ffacts.htm&x=24&y=12>

[31] <http://en.zoukiishoku.com/list/qa.htm> atau guna versi arkib di: <http://archive.edoors.com/render.php?uri=http%3A%2F%2Fen.zoukiishoku.com%2Flist%2Fqa.htm&x=27&y=10>

[32] <http://en.zoukiishoku.com/list/qa7.htm> atau guna versi arkib di: <http://archive.edoors.com/render.php?uri=http%3A%2F%2Fen.zoukiishoku.com%2Flist%2Fqa7.htm&x=35&y=10>

[33] Halaman utama telah ditukar. Arkib di: http://archive.edoors.com/content5.php?uri=http://www.ootc.net/special_images/ootc_achievement.jpg
http://archive.edoors.com/content5.php?uri=http://www.ootc.net/special_images/ootc2.png

[34] Halaman utama telah ditukar. Arkib di: http://archive.edoors.com/content5.php?uri=http://www.ootc.net/special_images/ootc_case.jpg
http://archive.edoors.com/content5.php?uri=http://www.ootc.net/special_images/ootc1.png

[35] <http://www.health.sohu.com/20060426/n243015842.shtml> Arkib di: <http://archive.edoors.com/content5.php?uri=http://health.sohu.com/52/81/harticle15198152.shtml>

[36] URL bagi halaman yang dialihkan pada Mac 2005 dalam Arkib Internet di http://web.archive.org/web/20050317130117/http://www.transorgan.com/about_g_intro.asp

[37] <http://www.transorgan.com/apply.asp> , Arkib di:

<http://archive.edoors.com/render.php?uri=http%3A%2F%2Fwww.transorgan.com%2Fapply.asp&x=15&y=8>

[38] Namun begitu, seseorang masih boleh pergi ke Arkib Internet untuk mendapat maklumat daripada laman web daripada Mac 2006: <http://archive.edoors.com/render.php?uri=http%3A%2F%2Fen.zoukiishoku.com%2Flist%2Fcost.htm&x=16&y=11>